

BAB TIGA

PELAKSANAAN DAKWAH PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

MELALUI POLITIK

3.1 PENGENALAN

Parti Islam SeMalaysia (PAS) merupakan sebuah wadah politik yang sinonim bagi pejuang agama Islam yang hendak menerapkan Islam ke dalam masyarakat dan pemerintahan. Perjuangan utama PAS ialah untuk menegakkan sebuah negara Islam yang melaksanakan pemerintahan berdasarkan hukum-hukum Allah sepenuhnya. Dalam perkembangan lain, kehadiran PAS di persada politik tanah air juga telah menyemarakkan lagi usaha dakwah di Tanah Melayu. Sumbangan PAS terhadap dakwah Islam sememangnya tidak dinafikan sejajar dengan peranan PAS sebagai sebuah parti politik Islam. Justeru melalui bab ini, kajian akan memaparkan perbincangan untuk melihat dengan lebih dekat dan terperinci mengenai PAS serta gerakan dakwahnya kepada masyarakat.

3.2 PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Bagi memenuhi keperluan kajian terhadap pelaksanaan dakwah PAS, kajian terlebih dahulu akan memfokuskan kepada PAS dan mengkaji beberapa perkara utama yang berkaitan seperti latar belakang penubuhan, dasar, seruan, tujuan, matlamat perjuangan, struktur kepimpinan, serta struktur organisasi dan pentadbiran.

3.2.1 Latar Belakang Penubuhan PAS

Kemunculan awal gerakan PAS adalah berdasarkan kesedaran umat Islam yang tercetus melalui gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh kumpulan reformis di kalangan para ulama pada 1906.¹ Nasionalis-nasionalis Melayu yang radikal mula dipengaruhi oleh perjuangan anti British di timur tengah dengan semangat reformasi Islam.² Kemunculan PAS juga dikatakan hasil daripada silang pengaruh yang berlaku antara beberapa gerakan Islam yang lebih awal seperti *Ikhwān al-Muslimīn* di Mesir, Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi) di Indonesia dan *Jama'at Islāmī* di Pakistan. Ketiga-tiga pengaruh ini telah menyerap masuk ke Tanah Melayu melalui para ulama yang belajar di Mesir, Mekah, India dan Indonesia.³

Wan Ismail Bin Wan Abdullah menjelaskan bahawa pengaruh reformasi Islam telah berkembang di Tanah Melayu adalah apabila kepulangan pelajar-pelajar Melayu yang berpendidikan agama yang belajar di Asia Tengah. Lantaran kemahuan untuk membawa perubahan ke dalam masyarakat Melayu, mereka telah membawa dan mengemukakan idea-idea perubahan dan pembaharuan dalam pemikiran serta sikap terhadap Islam.⁴

Idris Ahmad menjelaskan bahawa penubuhan PAS adalah kesinambungan daripada kesedaran politik Islam untuk mendaulatkan agama

¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 117.

² Alias Mohammad, "Akar Dan Asas-Asas Perjuangan Parti Islam SeMalaysia (PAS) 25 Tahun : Nasionalisma, Sosialisma Dan Islam" (Kertaskerja dibentangkan dalam Persidangan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, 8-10 September 1979), 2.

³ "Parti Islam SeMalaysia," dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Febuari 2013, http://www.parti-pas.org/index.php?option=com_content&view=article&id=180&Itemid=438.

⁴ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993), 21.

Juga lihat Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984), 204-207.

Islam di muka bumi. Mereka yang mempelopori gerakan ini adalah dari kalangan golongan agamawan yang bersemangat menentang penjajahan. Di antaranya ialah aspirasi yang dibawa balik oleh murid Shaykh Muḥammad ‘Abduh di Timur Tengah. Mereka kemudiannya bangkit di tengah-tengah masyarakat untuk menyebarkan kesedaran demi menegakkan syiar Islam.⁵

Azhar Haji Mad Aros menjelaskan bahawa terdapat dua implikasi utama yang mengakibatkan timbulnya gerakan awal kebangkitan Islam di Tanah Melayu. Pertama ialah implikasi daripada kedatangan dan penjajahan Barat ke Tanah Melayu dengan membawa pengaruh sekularisme, nasionalisme, realisme, dan humanisme ke dalam pemikiran masyarakat Melayu. Implikasi kedua ialah pengaruh daripada gerakan-gerakan Islam yang dilakukan oleh Muḥammad Bin ‘Abd al-Wahāb, Muḥammad Bin ‘Alī al-Sanūsī, Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Shaykh Muḥammad ‘Abduh, Rashīd Riḍā, Shaykh Ḥasan al-Bannā, Sayyid Quṭb, dan Sayyid Abū al-A‘lā al-Mawdūdī.⁶

Manakala Azahar Bin Yaakub juga menjelaskan bahawa kesedaran semula di kalangan umat Islam di Tanah Melayu tentang politik Islam telah dicetuskan oleh tokoh-tokoh ulama Islam sama ada melalui bidang penulisan, pendidikan mahupun persatuan. Antara tokoh tersebut ialah Shaykh Ṭāhir Jalāluddīn (1869-1956), Sayyid Shaykh al-Hādī (1867-1934), Sālīm al-Khalālī dan ‘Abās Ṭaha.⁷ Kesedaran yang awal ialah para ulama atau umat Islam

⁵ Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama* (Kuala Lumpur : Nufair Street Sdn. Bhd., 2009), 57.

⁶ Azhar Hj. Mad Aros et al., *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) : Kertas 1* (Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2000), 287.
Juga lihat Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 45-46.

Amir Ramadhan Bin Ibrahim, “Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis” (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996), 2-3.

⁷ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 117.

memerlukan sebuah pertubuhan atau badan yang boleh mewakili mereka dalam semua aspek kehidupan terutama dalam keadaan Tanah Melayu yang sedang dijajah oleh British ketika itu.

Walaupun bagaimanapun Alias Mohammad menjelaskan bahawa idea perjuangan Islam belum mampu diterjemahkan dalam bentuk perjuangan politik. Walaupun ada di kalangan orang Melayu yang memikirkan politik tanah air dari perspektif Islam, namun pemikiran itu hanya dapat diterjemahkan melalui penubuhan gagasan-gagasan.⁸

Dalam perkembangan lain, kesedaran untuk memperjuangkan kewujudan sebuah negara Islam terus berkembang rentetan peristiwa kejatuhan Khalīfah ‘Uthmāniyyah pada tahun 1924. Kesedaran tersebut juga telah berkembang di Tanah Melayu di mana ianya telah menyebabkan wujudnya kebangkitan untuk membela dan mempertahankan agama Islam.⁹ Berdasarkan longgokan kesedaran inilah pada akhirnya telah tertubuhnya Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) pada 1947, iaitu kesan daripada usaha gigih Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.¹⁰ Penubuhan MATA juga merupakan sebuah sayap agama kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada ketika itu.¹¹

Selepas setahun penubuhan MATA, satu kongres rakyat anjuran MATA telah diadakan di Sekolah Agama al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol¹² di

⁸ Alias Mohammad, “Akar Dan Asas-Asas Perjuangan Parti Islam SeMalaysia (PAS) 25 Tahun : Nasionalisme, Sosialisme Dan Islam”, 2.

⁹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 118.

Juga lihat Amir Ramadhan Bin Ibrahim, “Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis”, 3.

¹⁰ “Parti Islam SeMalaysia,” dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Februari 2013, http://www.parti-pas.org/index.php?option=com_content&view=article&id=180&Itemid=438.

¹¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 118.

¹² Pada awal periode kebangkitan Islam di Tanah Melayu, Sekolah Agama al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol merupakan salah satu di antara beberapa sekolah atau madrasah yang paling menonjol dalam pembabitannya dengan politik Islam. Ini kerana bagi pimpinan politik Islam, mereka tidak dapat

Perak pada 1948. Hasil daripada kongres tersebut telah diputuskan untuk menubuh sebuah parti politik Islam dengan nama Hizbul Muslimin atau ringkasnya HAMIM.¹³ Penubuhan HAMIM merupakan parti Islam yang pertama ditubuhkan dan ia merupakan asas pembentukan parti Islam dalam sejarah perkembangan politik Melayu di tanah air.¹⁴ Manakala Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah dilantik sebagai ketua pemimpin HAMIM yang pertama.

Walaupun bagaimanapun, gerakan Islam yang berpusat di Gunung Semanggol ini terkubur ekoran penguatkuasaan Ordinan Darurat pada Jun 1948.¹⁵ Dasar radikal HAMIM menyebabkan ia dilumpuhkan oleh Inggeris melalui penahanan beberapa pimpinan utamanya.¹⁶ Dengan kata lain, kewujudan HAMIM sebagai sebuah parti politik telah mendapat tentangan dari penjajah dan UMNO sendiri. Dato' Onn Jaafar pernah melabelkan HAMIM sebagai Parti Merah Islam dan mengingatkan rakyat tentang bahaya dari gunung iaitu Gunung Semanggol.¹⁷ Seterusnya HAMIM telah diharamkan dan kebanyakan dari pemimpinnya telah ditangkap.¹⁸

dipisahkan dari pengetahuan agama. Manakala pengetahuan agama diperolehi secara rasmi daripada sekolah, madrasah dan pondok. Sekolah Agama al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol antara sekolah yang telah mengeluarkan ramai pemimpin dan pendidik atau guru. Selain itu, guru dan bekas pelajarinya juga telah memasuki dan terlibat dengan berbagai parti politik terutama parti PAS dan UMNO. Dengan kata lain, Sekolah Agama al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol merupakan satu bukti yang menunjukkan bahawa politik Islam sangat berkait rapat dengan institusi pendidikan sama ada sekolah, madrasah atau pondok. Sila lihat Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan", 225.

¹³ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 22.

¹⁴ *Ibid.*, 6.

Juga lihat Faridah Ali, "Sejarah Awal Pembentukan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Kelantan 1953-1959" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1974), 38.

¹⁵ "Parti Islam SeMalaysia," dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Februari 2013, http://www.parti-pas.org/index.php?option=com_content&view=article&id=180&Itemid=438.

¹⁶ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 118.

Juga lihat Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan", 226.

¹⁷ Nabir Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol : 1934-1959* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976), 188.

¹⁸ Amaluddin Darus, *Kenapa Saya Tinggalkan PAS* (Kuala Lumpur : Harimau Press Sdn. Bhd., 1977), 18.

Para ulama mengambil beberapa sikap selepas tragedi darurat ini. Ada yang mengambil pendekatan untuk tidak lagi bergiat aktif dalam politik kepartian tetapi menggerakkan kesedaran rakyat melalui institusi pendidikan atau media massa. Dalam perkembangan lain, sebagai usaha untuk meneruskan agenda siasah, sebahagian tokoh HAMIM telah menyertai Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO.¹⁹ Antara matlamat penyertaan tokoh HAMIM kepada parti nasionalis UMNO adalah untuk memperjuangkan agama Islam dan membolehkan isu-isu umat Islam diperkatakan. Beberapa tokoh Hizbul Muslimin seperti Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan²⁰, seorang lepasan Sekolah Agama al-Ihya al-Syarif, Gunung Semanggol telah menyertai UMNO pada 1950 dan dilantik mengetuai Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO.

Walaupun gerakan Hizbul Muslimin telah dilumpuhkan, ianya tidak sedikitpun menjejaskan perjuangan para ulama untuk membela dan mempertahankan Islam. Bahkan melalui Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO, pelbagai usaha-usaha untuk menyatukan ulama Malaya di bawah satu badan telah digerakkan.²¹ Ia dapat dilihat melalui desakan kepada Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO supaya menganjurkan sebuah Kongres Alim Ulama.²² Antara

Juga lihat Amir Ramadhan Bin Ibrahim, "Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis", 8.

¹⁹ Nasharudin Mat Isa, *50 Tahun Mempelopori Perubahan : Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun* (Batu Caves : Penerbitan Ahnaf, 2001), 4-5.

Juga lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 118.

²⁰ Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan merupakan Pengerusi Badan Agama UMNO dan merupakan seorang rakan karib kepada Dato' Onn Jaafar. Walaubagaimanapun, beliau akhirnya telah menentang UMNO. Penentangan beliau terhadap loteri dan perjudian yang menjadi amalan UMNO ketika itu menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO. Lantaran itu, perjuangan beliau dalam menegakkan agama Allah tidak terhenti setakat itu sahaja bahkan beliau antara individu penting yang bertanggungjawab di atas penubuhan PAS. Walaupun pernah mendapat tawaran untuk menjadi calon Yang Di Pertua UMNO, beliau telah menarik diri kerana mementingkan penubuhan PAS.

²¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 118.

²² Majlis Agama Negeri Perak telah memberi cadangan dan melakukan desakan kepada UMNO supaya menganjurkan Kongres Alim Ulama. Ini kerana UMNO pada ketika itu mempunyai kemudahan dan tenaga dan satu Kongres Alim Ulama telah diadakan di Muar Johor pada 21 Febuari 1950. Sila lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 118.

kata sepakat yang dicapai melalui kongres tersebut adalah seperti penubuhan gagasan menguruskan jemaah haji ke Mekah, penubuhan kolej Islam dan majlis agama, penyelarasan tarikh puasa dan hari raya serta biasiswa pendidikan.²³

Rentetan tulisan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan dalam majalah Suara UMNO yang bertajuk "Ulama Malaya Belum Bersatu dan Tidak Punya Organisasi", ianya telah mendesak mesyuarat Jawatankuasa Agung UMNO pada 30 Jun 1951 supaya bersetuju menganjurkan Kongres Alim Ulama Kedua pada 23 Ogos 1951 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.²⁴ Dalam perkembangan lain, kedudukan ulama ketika itu umpama sampah dan tidak dihargai kerana tiada kekuatan telah memuncakkan lagi desakan supaya Kongres Alim Ulama Kedua segera diadakan.

Melalui Kongres Alim Ulama Malaya Kedua, tiga keputusan telah dibuat. Pertama ialah mendirikan persatuan alim ulama yang bebas dan tidak terikat secara langsung dengan UMNO. Kedua pula ialah melantik sebuah jawatankuasa sementara bagi menggubal perlembagaan. Manakala yang ketiga adalah meneruskan ikhtiar untuk menyatukan pentadbiran agama dalam Persekutuan Tanah Melayu.²⁵

Azahar Bin Yaakub menjelaskan bahawa melalui kongres tersebut telah dibincangkan mengenai penubuhan sebuah persatuan ulama yang bernama Persatuan Ulama Malaya. Melalui kongres tersebut juga telah memperlihatkan tanda-tanda desakan kepada usaha untuk memisahkan barisan ulama dan

Juga lihat Safie Ibrahim, *The Islamic Party Of Malaysia : Its Formative Stages And Ideology* (Kelantan : Nuawi bin Ismail, 1981), 10-11.

²³ Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan", 230.

²⁴ Safie Ibrahim, *The Islamic Party Of Malaysia : Its Formative Stages And Ideology*, 14.

²⁵ Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan", 226.

UMNO.²⁶ Ia disebabkan oleh rentetan kegagalan UMNO dalam menangani isu Natrah, isu loteri dan kaberet. Kegagalan tersebut telah menyebabkan UMNO dilihat tidak mampu untuk menjamin kedudukan agama Islam. Lantaran itu, terdapat usaha untuk menjadikan Persatuan Ulama Malaya sebagai sebuah parti politik Islam seperti mana Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumin) di Indonesia.²⁷

Pada 24 November 1951, satu kongres telah diadakan di Kelab Melayu Bagan. Dalam kongres tersebut telah timbul cadangan untuk mengubah nama Persatuan Ulama Malaya kepada Persatuan Islam SeMalaysia (PAS) dan lima lagi cadangan nama yang lain.²⁸ Walaubagaimanapun, setelah melalui beberapa perbincangan dan perbahasan, maka kata sepakat telah memilih Persatuan Islam SeMalaysia atau PAS sebagai nama baru bagi menggantikan Persatuan Ulama Malaya.²⁹

Penubuhan PAS adalah satu inisiatif perjuangan para ulama untuk kemerdekaan melalui landasan demokrasi ke arah membentuk sebuah negara yang diredhai Allah. Para ulama menolak bentuk-bentuk perjuangan yang diasaskan

²⁶ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 119.

²⁷ Nasharudin Mat Isa, *50 Tahun Mempelopori Perubahan : Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun*, 15-16.

Juga lihat Muhammad Nazmi Bin Ishak, "Uslub Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk : Suatu Kajian Perbandingan Metode Dakwah ABIM Dengan Metode Dakwah PAS" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993), 9.

²⁸ Melalui Kongres Ulama Malaya Kedua telah ditetapkan untuk mengadakan satu kongres ulama di Bagan Tuan Kecil, Butterworth pada Disember 1951. Kongres ulama yang akan diadakan itu adalah bertujuan untuk menubuhkan secara rasmi dan mengesahkan Undang-undang Tubuh Persatuan Ulama Malaya. Walaubagaimanapun, di atas faktor-faktor tertentu, kongres tersebut telah dipercepatkan tiga minggu iaitu kepada 24 November 1951 di Kelab Melayu Bagan. Melalui kongres tersebut juga telah timbulnya cadangan untuk mengubah nama Persatuan Ulama Malaya. Terdapat beberapa cadangan nama baru telah diberikan dan salah satu di antaranya ialah Persatuan Islam SeMalaysia. Pada masa yang sama, cadangan nama PAS adalah hasil idea yang telah dikemukakan oleh Othman Hamzah iaitu perwakilan daripada Persatuan Maahad II Ihya As-Syariff. Manakala nama rasmi PAS pula telah dicadangkan oleh Mohammed Ma'som dari Jemaah Masjid Telaga Ayer, Butterworth.

²⁹ Amir Ramadhan Bin Ibrahim, "Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis" 10-12.

berdasarkan ideologi ciptaan manusia yang dibawa masuk oleh penjajah.³⁰ Kewujudan PAS secara rasmi pada 24 November 1951 secara tidak langsung telah meletakkan PAS sebagai sebuah badan siasah umat Islam di Tanah Melayu.³¹ Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan yang dilantik sebagai Yang Di Pertua Agung telah memimpin PAS juga telah bergiat aktif dalam usaha untuk memperjuangkan kemerdekaan negara seterusnya membentuk sebuah negara Islam di Malaysia.³²

Kedudukan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai Yang Di Pertua Agung PAS hanya bertahan sehingga tiga tahun apabila beliau telah meletak jawatan pada 26 September 1953.³³ Jawatan tersebut seterusnya telah dipangku oleh Haji Abbas Alias dan telah mengambil alih kepimpinan secara rasmi pada 1954. Di bawah kepimpinan Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan dan Haji Abbas Alias, PAS bercakap soal kemerdekaan yang boleh ditegakkan hukum Islam. PAS menolak kerakyatan jus soli yang merugikan peribumi dan PAS mendesak supaya Islam dijadikan dasar negara yang merdeka. Selain itu, tiga dewan telah ditubuhkan sebagai jentera utama parti iaitu Dewan Ulama PAS, Dewan Pemuda PAS, dan Dewan Muslimat PAS. Pada 31 Mei 1955, PAS telah berjaya didaftarkan sebagai sebuah parti politik seterusnya mula menyertai Pilihan raya Umum pada tahun 1955.³⁴

Kehadiran Burhanuddin al-Helmy dan Zulkifli Mohammad dalam PAS telah memberi impak positif dan nyata kehadiran dua tokoh nasionalis Islam

³⁰ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka" (Tesis kedoktoran, Program Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 99-100.

³¹ "Parti Islam SeMalaysia," dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Februari 2013, http://www.parti-pas.org/index.php?option=com_content&view=article&id=180&Itemid=438.

³² Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 120.

³³ *Ibid.*, 121.

³⁴ *Ibid.*

tersebut telah mengubah rentak perjuangan PAS. Hasilnya PAS telah berjaya menguasai Kelantan dan Terengganu pada 1959. Namun begitu, pergerakan PAS sedikit terganggu apabila PAS sekali lagi terpaksa berhadapan dengan masalah krisis kepimpinan. Selain daripada penyertaan Naib Yang Di Pertua Agung PAS, Othman Abdullah ke dalam UMNO pada tahun 1962, PAS juga telah kehilangan seorang lagi pemimpin dengan pemergian Zulkifli Mohammad ke rahmatullah akibat kemalangan jalan raya di Kuantan pada 1964. PAS terus dilanda krisis kepimpinan setelah Burhanuddin al-Helmy ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 1965 kerana dituduh merancang penubuhan kerajaan dalam buangan ketika isu Konfrontasi Indonesia. Penahanan tersebut telah menyebabkan jawatan Yang Di Pertua Agung PAS telah dipangku oleh Mohd Asri Muda.³⁵ Setelah empat tahun penahanan Burhanuddin al-Helmy di bawah Akta ISA, beliau akhirnya telah jatuh sakit dan meninggal dunia pada 1969.

Pada tahun 1971, Mohd Asri Muda telah dilantik sebagai Yang Di Pertua Agung PAS. Manakala pada tahun 1973, PAS telah membentuk Kerajaan Campuran PAS dan Perikatan di Kelantan dan Terengganu sebagai satu alternatif untuk menguatkan semula perpaduan umat Islam rentetan Peristiwa 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969. PAS dan tujuh parti lain telah bergabung di bawah satu perikatan iaitu Barisan Nasional pada tahun 1974, seterusnya telah berjaya menguasai kerajaan pusat pada tahun yang sama. Hasil kejayaan tersebut telah menyebabkan beberapa pemimpin PAS telah dilantik menjadi menteri seperti Mohd Asri Muda dan Hassan Adli.

³⁵ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 106-107. Juga lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy : Suatu Kemelut Politik* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 231. Juga lihat Alias Mohamed, *PAS's Platform, Development and Change 1951-1986* (Selangor : Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1994), 90-98.

Penyertaan PAS dalam Barisan Nasional hanya bertahan selama beberapa tahun sahaja apabila PAS telah disingkirkan daripada Barisan Nasional pada tahun 1977. PAS seterusnya mengalami beberapa siri perpecahan parti dan keadaan tersebut telah menyebabkan PAS telah menerima kekalahan di Kelantan pada tahun 1978.³⁶ Melihat kepada situasi tersebut, satu gelombang kebangkitan Islam di kalangan pemuda Islam telah tercetus hasil rangsangan daripada tokoh-tokoh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). PAS seterusnya telah mendapat kekuatan baru dengan penyertaan beberapa tokoh ABIM ke dalam PAS seperti Fadzil Mohd Noor, Nakhaie Ahmad, Abdul Hadi Awang, Syed Ibrahim Abdul Rahman, dan lain-lain.³⁷

Kehadiran beberapa tokoh ABIM ke dalam PAS telah menggugat kepimpinan Mohd Asri Muda. Keadaan tersebut akhirnya telah membawa kepada satu desakan yang dilakukan oleh Dewan Pemuda PAS kepada Mohd Asri Muda supaya melepaskan jawatan beliau pada tahun 1982. Hasil desakan tersebut telah menyebabkan Mohd Asri Muda meletak jawatan dan diambil alih oleh Tuan Haji

³⁶ Kekalahan PAS di Kelantan adalah berpunca daripada beberapa faktor utama. Penyertaan PAS ke dalam UMNO telah menyebabkan timbulnya ketidakpuasan hati di kalangan ahli-ahli PAS ke atas peruntukan kerusi pilihan raya dan peruntukan jawatan yang diberikan kepada PAS. Selain itu, ketidakpuasan hati terus meruap-ruap di kalangan ahli PAS ke atas kelembapan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara. Isu perlantikan Menteri Besar Kelantan merupakan antara faktor yang memuncakkan lagi krisis dalaman sekali gus mewujudkan bibit-bibit pemisahan antara PAS dan UMNO. Walaupun isu tersebut pada mulanya dianggap sebagai hanya satu gelora kecil oleh Mohd Asri Muda, namun isu tersebut akhirnya memberikan permasalahan yang lebih besar kepada PAS. Dengan kata lain, perlantikan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan telah mewujudkan krisis berdasarkan kepada beberapa faktor. Antaranya ialah perlantikan Mohamad Nasir adalah hasil daripada campur tangan UMNO. Ini kerana, cadangan jawatan Menteri Besar Kelantan pada asalnya hendak diberikan kepada Wan Ismail Ibrahim. Namun begitu, cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh dua tokoh UMNO Kelantan iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Abdullah Ahmad malah ia juga telah mempengaruhi Abdul Razak Hussein iaitu Presiden UMNO pada ketika itu supaya sama-sama menolak cadangan tersebut. Perlantikan Mohamad Nasir dan campur tangan UMNO dalam perlantikan Menteri Besar Kelantan telah mengetepikan terus ketetapan Badan Perhubungan PAS Kelantan yang berpandangan bahawa ia sepatutnya diberikan kuasa penuh untuk membuat perlantikan itu. Pada masa yang sama, hasil campur tangan UMNO juga telah menyebabkan penurunan taraf jawatan beberapa tokoh pemimpin PAS. Situasi tersebut sekali gus menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan ahli PAS terhadap apa yang dilakukan oleh UMNO. Selain itu, kepimpinan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan tidak menunggu lama apabila tercetusnya beberapa kontroversi sekali gus telah menyemarakkan lagi rasa ketidakpuasan hati di kalangan ahli khususnya di kalangan ahli dan pimpinan PAS. Sila lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, "PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982" (Disertasi Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 308-323.

³⁷ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Alirannya* (Jakarta : Gema Insani Press, 1977), 222-225.

Yusof Rawa. Perlantikan Tuan Haji Yusof Rawa dan gandingan beliau bersama Fadzil Mohd Noor sebagai pemimpin utama parti telah menjadi pencetus kepada era kepimpinan ulama PAS. Dalam masa yang sama, ia merupakan satu inisiatif dalam menangani krisis kepimpinan yang melanda PAS ketika itu apabila berhadapan dengan perpecahan, kehilangan kuasa pemerintahan dan tekanan ISA.

Perlantikan Tuan Haji Yusof Rawa merupakan satu permulaan era kepimpinan ulama dan telah memperlihatkan PAS kembali kepada asas perjuangannya untuk mendaulatkan Islam dan memberikan penekanan terhadap kewajipan tersebut. Lantaran itu, gerakan dakwah PAS berkembang dengan lebih tersusun melalui pendekatan haraki dan dalam masa yang sama PAS terus membina jambatan dakwah dengan non-Muslim sehingga terbentuk Majlis Perundingan Cina (CCC). Di sudut yang lain, pendekatan PAS telah disambut oleh kerajaan dengan melaksanakan jujuk tertentu daripada Islam seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah serta penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain.

Walaupun PAS gagal dalam memenangi Pilihan raya Umum pada tahun 1986, namun ia menjadi titik tolak kepada permulaan PAS dalam merangka strategi politik dan gerak kerja yang lebih tersusun. Melalui usaha dan gerak kerja serta strategi politik yang telah dilakukan, akhirnya ia membuahkan hasil apabila PAS berjaya menguasai semula Kelantan pada 1990 dan sekali gus menjadi satu titik permulaan kepada kebangkitan semula PAS. Sepanjang tempoh 1951 sehingga kini, PAS telah dipimpin oleh tujuh orang Yang Di Pertua Agung/Presiden iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Dr. Haji Abbas Alias (1953-1956), Profesor Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969), Datuk Mohd Asri Muda (1969-1982), Tuan Haji Yusof Rawa (1982-1988), Dato'

Fadzil Mohd Noor (1988-2002) dan Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga sekarang).

Secara umumnya, sejarah perkembangan PAS dari awal penubuhannya sehingga kini boleh dibahagikan kepada beberapa tahap. Para pengkaji yang menganalisis perkembangan PAS ini mengatakan PAS telah melalui empat tahap perkembangan iaitu tahap kemunculan (1951-1959), tahap kebangkitan (1959-1973), tahap kemuncak (1973-1977), tahap kejatuhan (1977-1990) dan tahap kebangkitan semula (1990-sekarang).³⁸ Dari aspek kepimpinan, PAS telah mengalami empat jenis kepimpinan iaitu kepimpinan ulama tradisi (1951-1956), kepimpinan nasionalis kiri (1956-1969), kepimpinan nasionalis kanan (1969-1982) dan kepimpinan ulama haraki (1982-sekarang)³⁹. Dari aspek pembinaan ideologi perjuangan PAS, dikatakan berlaku tiga fasa iaitu fasa penubuhan dan pembentukan ideologi (1951-1958), fasa pencernaan ideologi (1958-1982) dan fasa pengukuhan ideologi (1982-1995).

3.2.2 Dasar, Seruan Dan Tujuan PAS

Melalui Perlembagaan PAS 1973⁴⁰ dan Perlembagaan PAS 1977⁴¹, satu peruntukan tentang dasar PAS telah diwujudkan dengan mengisytiharkan di

³⁸ Tahap kemunculan 1951-1959 adalah tahap awal penubuhan PAS. Manakala tahap kebangkitan 1959-1973 ialah dengan kejayaan PAS menguasai Kelantan dan Terengganu. Tahap kemuncak 1973-1977 adalah ketika PAS menyertai Kerajaan Pusat. Seterusnya PAS mengalami tahap kejatuhan 1977-1990 apabila berlakunya penyingkiran PAS daripada Kerajaan Pusat dan berlakunya beberapa siri perpecahan dalam parti serta mengalami krisis dalam kepimpinan. Selain itu, PAS juga mengalami kekalahan di Kelantan. Walaubagaimanapun, penguasaan PAS terhadap Kelantan pada tahun 1990 merupakan satu titik permulaan kepada kebangkitan PAS. Dengan kata lain, ia merujuk kepada tahap kebangkitan semula PAS 1990-sekarang. Sila lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 125.

³⁹ Mohd Fadli Ghani, "Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003" (Disertasi Sastera, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003), 27. Juga lihat Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah" (Disertasi Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 106-107.

⁴⁰ Perlembagaan PAS, 1973, Fasal 2(1).

⁴¹ Perlembagaan PAS, 1977, Fasal 3.

dalam satu fasalnya bahawa dasar PAS ialah Islam.⁴² Di samping itu, melalui Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) juga telah menyebut perkara yang sama iaitu menjadikan Islam sebagai dasar PAS.⁴³ Melalui dasar tersebut, maka PAS telah menetapkan segala gerak kerja PAS adalah berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulama dan qias sebagai sumber hukum.⁴⁴

Penegasan terhadap Islam sebagai dasar PAS telah diterjemahkan melalui Perlembagaan PAS. Ini kerana Perlembagaan PAS secara keseluruhannya dibina berasaskan kepada Islam. Sebagai contoh melalui Perlembagaan PAS Fasal 4 yang memperuntukan seruan PAS iaitu *Allāhuakbar*, Fasal 5 memperuntukan tujuan PAS, Fasal 6 memperuntukan usaha-usaha PAS, Fasal 7 memperuntukan tentang hukum, kekuasaan, dan Majlis Syura Ulama PAS serta Fasal 9(2) memperuntukan keahlian PAS hanya untuk orang Islam.⁴⁵

Selain itu, penegasan terhadap Islam sebagai dasar PAS turut diperjelaskan oleh para pemimpin utama PAS melalui ucapan-ucapan dasar mereka. Burhanuddin al-Helmy (Yang Di Pertua Agung PAS ketiga), telah menjelaskan bahawa :

“Apabila kita menyebut kemahuan kita supaya negara ini berdasarkan Islam maka asas dan pandangan politik dalam negara ini hendaklah dengan terang dan sesuai dengan ajaran Islam dan

⁴² “Misi, Dasar Dan Seruan PAS,” laman sesawang *Parti Islam SeMalaysia*, dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Mac 2013, <http://www.pas.org.my/v2/index.php/info/misi-dasar-seruan>.

Juga lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, “PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982”, 57.

⁴³ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 3. Peruntukan Islam sebagai dasar PAS juga turut disebut dalam Perlembagaan PAS, 1973, Fasal 2(1); Perlembagaan PAS, 1977, Fasal 3; Perlembagaan PAS, 1987, Fasal 3; dan Perlembagaan PAS, 1993, Fasal 3.

⁴⁴ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 7(1).

⁴⁵ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 4,5,6,7 dan 9(2).

*segala keindahan dan segala perundangan yang berlawanan dengan al-Quran itu adalah batal belaka.*⁴⁶

Manakala Tuan Haji Yusof Rawa (Yang Di Pertua Agung PAS Kelima) pula telah menjelaskan bahawa :

*“Sepanjang usia parti Islam ini, penyataannya tetap satu iaitu perjuangan PAS ialah Islam dan Islam menjadi dasarnya.”*⁴⁷

Fadzil Mohd Noor juga memberi penjelasan tentang dasar PAS dengan menyebut :

*“Dasar dan pegangan kita (PAS) memperjuangkan Islam adalah tidak pernah berubah. Kita bergerak dan bekerja adalah untuk kedaulatan Islam.”*⁴⁸

Melalui fakta di atas telah menunjukkan dengan jelas bahawa Islam adalah dasar perjuangan PAS. Dasar ini telah menghasilkan segala pelaksanaan gerak kerja dan usaha berpandukan kepada Islam sekali gus sebagai usaha untuk menuju kepada pencapaian cita-cita perjuangannya. Pada masa yang sama, ketetapan Islam sebagai dasar melalui Perlembagaan PAS serta pendirian tegas daripada pemimpin dan parti telah menunjukkan betapa kuatnya pendirian PAS terhadap dasar Islamnya.

Manakala dari aspek seruan PAS, satu peruntukan tentang cogan kata dan seruan PAS telah diwujudkan melalui Perlembagaan PAS 1954 dan Pelembagaan PAS 1963, dengan mengisytiharkan bahawa cogan kata PAS ialah

⁴⁶ Burhanuddin al-Helmy, Ucapan Dasar Mesyuarat Agung PAS Ke-11, 25 Disember 1962, PAS : Tuntutan Kebangkitan Ummah, GG Edar : Kuala Lumpur, 48.

⁴⁷ Yusof Rawa, Ke Arah Pembebasan Ummah, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-29, 29 April 1983, Pejabat Agung PAS, 2.

⁴⁸ Fadzil Mohd Noor, Pertahan Syakhsyyah Ummah, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-39, 11 Jun 1993, Pejabat Agung PAS, 7.

“*Allāhuakbar*”⁴⁹ dan seruan PAS ialah “Merdeka”.⁵⁰ Namun begitu, melalui Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977, peruntukan tentang cogan kata PAS telah dihapuskan dan melalui kedua-dua perlembagaan itu juga telah memperuntukan bahawa cogan kata PAS yang sebelumnya iaitu “*Allāhuakbar*” dijadikan sebagai seruan PAS.⁵¹

Dari aspek tujuan PAS, Wan Ismail Bin Wan Abdullah menjelaskan bahawa tujuan utama PAS ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bertaqwa dan beriman kepada Allah seterusnya dapat menegakkan kebaikan serta mencegah kemungkaran dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.⁵² Melalui Perlembagaan PAS juga telah memperuntukan tujuan PAS iaitu :⁵³

1. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

3.2.3 Matlamat Perjuangan PAS

Matlamat penubuhan negara Islam merupakan satu matlamat yang tidak disebut oleh Perlembagaan PAS. Namun begitu, berdasarkan kepada apa yang diucapkan oleh pemimpin-pemimpin PAS sama ada melalui tulisan dan ceramah, ia telah memberi satu gambaran yang jelas bahawa penubuhan negara Islam adalah salah

⁴⁹ Perlembagaan PAS, 1954, Fasal 41(1); dan Perlembagaan PAS, 1963, Fasal 40(1).

⁵⁰ Perlembagaan PAS, 1954, Fasal 41(2); dan Perlembagaan PAS, 1963, Fasal 40(2).

⁵¹ Perlembagaan PAS, 1973, Fasal 36; dan Perlembagaan PAS, 1977, Fasal 4.

Juga lihat “Misi, Dasar Dan Seruan PAS,” laman sesawang *Parti Islam SeMalaysia*, dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 22 Mac 2013, <http://www.pas.org.my/v2/index.php/info/misi-dasar-seruan>.

⁵² Wan Ismail Bin Wan Abdullah, “Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam”, 2.

Juga lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, “PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982”, 62-70.

⁵³ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 5.

Juga lihat “Misi, Dasar Dan Seruan PAS,” laman sesawang *Parti Islam SeMalaysia*, dikemaskini 27 Mei 2011, dicapai 1 April 2013, <http://www.pas.org.my/v2/index.php/info/misi-dasar-seruan>.

satu dari matlamat perjuangan PAS. Mohd Asri Muda berkata dalam Mukhtamar Agung PAS ke-33 :

“Peringkat awal dari matlamat kita ialah peringkat merubah atau dengan lain perkataan merubah cara berfikir supaya hampir atau mendekati Islam, baik di kalangan umat Islam sendiri atau rakyat bukan Islam.”⁵⁴

Manakala Burhanuddin al-Helmy di dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-9 telah mengatakan bahawa :

“Sudah kita buktikan kepada orang yang ingin insaf bahawa PAS menjalankan peranan yang penting dalam politik negara ini. Rakyat sudah faham bahawa bagi PAS hukum Allah S.W.T sahaja yang menjadi matlamat dan kebajikan merekalah yang menjadi tujuan.”⁵⁵

Matlamat awal PAS ialah usaha untuk mengubah pemikiran masyarakat terhadap kefahaman tentang Islam dan mendekati syariat Allah S.W.T. Oleh itu, usaha awal yang dijalankan ialah memberi penjelasan kepada masyarakat tentang kebenaran Islam dan mengubah salah faham mereka terhadap Islam.

Matlamat perjuangan PAS ialah untuk mewujudkan sebuah negara kerajaan Islam yang mengamalkan pemerintahan Islam melalui perlembagaan dan undang-undangnya yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Manakala pelaksanaan dasar dan matlamat perjuangan PAS adalah diselaraskan dengan kehendak Allah dan RasulNya. Kekuasaan dalam pemerintahan sangat penting dalam memastikan tuntutan Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna.

⁵⁴ Mohamad Asri Hj. Muda, Survival Umat, Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan PAS Ke-33, 23 Julai 1977, 5.

⁵⁵ Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ucapan Dasar Mesyuarat Agung PAS Ke-9, 1960.

Hassan Syukri telah menjelaskan bahawa sesebuah badan dakwah ataupun organisasi Islam bukan hanya bergantung kepada usaha dakwah melalui lisan semata-mata seperti ceramah ataupun kuliah. Bahkan gerakan dan usaha melalui Jemaah Islam atau parti Islam untuk mendapatkan kekuasaan seterusnya dapat mewujudkan sebuah negara Islam merupakan satu cara yang sangat penting dalam memastikan syiar Islam dapat ditegakkan.⁵⁶

Menurut Wan Ismail Bin Wan Abdullah, matlamat utama perjuangan PAS adalah berjuang untuk mendirikan negara Islam. Dalam memastikan pencapaian matlamat tersebut, pelbagai aktiviti dan program telah dilakukan sebagai usaha ke arah merealisasikan matlamat untuk mendirikan negara Islam dan mewujudkan sebuah masyarakat yang melaksanakan peraturan dan hukum-hukum Allah. Pada masa yang sama, PAS ingin menjadikan syariat Islam sebagai garis panduan dalam pentadbiran dan perundangan. Dengan sebab itulah PAS telah menyertai pilihan raya dan bertanding dalam setiap pilihan raya umum sejak tahun 1955. PAS telah menjadikan pilihan raya sebagai alat untuk mencapai kedudukan negara Islam.⁵⁷

Manakala Ismail Awang menjelaskan bahawa matlamat perjuangan PAS bukan sahaja mewujudkan sebuah negara Islam yang melaksanakan kewajipan dan tuntutan syariat, bahkan PAS juga bermatlamat untuk memberi kesedaran kepada manusia dan menanamkan roh keislaman ke dalam hati mereka supaya melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangannya. Dengan kata lain, perjuangan PAS bukan semata-mata untuk menegakkan “Negara

⁵⁶ Hassan Shukri, *Ke Arah Memahami Penubuhan, Perlembagaan, Pengurusan dan Pentadbiran PAS* (Sementa : Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, 2000), 9.

⁵⁷ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, “Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam”, 3. Juga lihat Amir Ramadhan Bin Ibrahim, “Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis” 19-20. Juga lihat Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia* (Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988), 67.

Hukum” yang hanya tahu menghukum, bahkan sebagai “Negara Pendidik” yang mampu mendidik dan mendorong manusia supaya menjadi lebih baik dan sempurna.⁵⁸

Kesimpulannya, matlamat perjuangan PAS adalah berdasarkan kepada ideologinya yang tersendiri. Daripada awal penubuhannya sehingga kini, matlamat perjuangan PAS adalah sama dan tidak berubah iaitu berjuang untuk mendirikan negara Islam. Melalui usaha dan pendekatan berdasarkan Perlembagaan PAS, ia dilakukan adalah semata-mata untuk memastikan pencapaian matlamat direalisasikan. Sehingga kini PAS masih terus berusaha walaupun jelas kepada kita bahawa sebahagian besar ideologi dan falsafah perjuangan PAS masih belum terlaksana.

3.2.4 Struktur Kepimpinan PAS

PAS merupakan sebuah organisasi Islam yang berfungsi sebagai sebuah parti politik dan institusi dakwah Islam. Justeru, ianya telah mewujudkan perbezaan antara parti PAS dengan parti-parti politik yang lain di Malaysia. Perbezaan tersebut juga dapat dilihat dari sudut struktur kepimpinan, organisasi dan pentadbiran PAS.

Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa struktur kepimpinan PAS sebagai sebuah organisasi Islam adalah berbeza dengan organisasi-organisasi lain.⁵⁹ Manakala Ibnu Hasyim menjelaskan bahawa perbezaan utama antara PAS dengan organisasi politik yang lain adalah kerana PAS mempunyai Majlis Syura Ulama PAS yang berfungsi sebagai sebuah badan penasihat yang memiliki

⁵⁸ Ismail Awang, *Zulkifli Mohammad : Cita-Cita Politik* (Kota Bharu : Mahligai Press, 1970), 178-182.

⁵⁹ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

kedudukan tertinggi dalam organisasi PAS.⁶⁰ Mujahid Bin Yusof pula menjelaskan bahawa PAS merupakan sebuah parti yang memerlukan kepimpinan yang berinspirasi Islam sekali gus bersesuaian dengan falsafah dan ideologi yang diperjuangkannya. Oleh itu, daripada awal penubuhan PAS dan perkembangannya sehingga kini banyak didokong oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam.⁶¹

Pada masa yang sama, jika dilihat pada sejarah penubuhan PAS, kepimpinan PAS sememangnya terdiri daripada golongan ulama dan berpendidikan tinggi dalam bidang agama seperti Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Dr. Haji Abbas Alias (1953-1956), Profesor Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969), Datuk Mohd Asri Muda (1969-1982), Tuan Haji Yusof Rawa (1982-1988), Dato' Fadzil Mohd Noor (1988-2002) dan Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga sekarang).

Ekoran krisis dalaman parti ketika kepimpinan Mohd Asri Muda, satu desakan daripada Dewan Pemuda PAS telah membawa kepada perletakan jawatan Mohd Asri Muda sebagai Yang Di Pertua Agung PAS pada tahun 1982. Desakan itu juga menuntut supaya PAS dijadikan sebagai sebuah parti politik yang lebih Islamik dalam gagasan politiknya dan sebagai parti yang benar-benar mampu untuk mendokong Islam serta tegas dalam sikap dan pembentukan ahli-ahlinya.⁶² Melalui desakan itu juga telah menuntut kepada pembentukan sebuah kepimpinan yang berwibawa dan mampu menggalas tanggungjawab parti demi kepentingan agama. Sebagai alternatif, satu idea baru telah dicetuskan iaitu mewujudkan kepimpinan ulama sebagai pemimpin utama parti.

⁶⁰ Ibnu Hasyim, *1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan : PAS Kuasai Malaysia* (Kuala Lumpur : GG Edar, 1993), 368.

⁶¹ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 106.

⁶² *Ibid.*, 108.

Deligasi kepemimpinan ulama yang bermula pada era kepemimpinan Tuan Haji Yusof Rawa telah memberi impak besar kepada rentak perjuangan parti PAS.⁶³ Mujahid Bin Yusof mendefinisikan kepemimpinan ulama bahawa ianya bukanlah ditujukan kepada individu yang bergelar ulama, tetapi ia merupakan sebuah organisasi PAS yang berusaha untuk memartabatkan peranan institusi syura yang berlandaskan kepada al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.⁶⁴ Manakala Ibnu Hashim menjelaskan maksud kepemimpinan ulama ialah ahli-ahli syura yang menganggotai Majlis Syura dengan ciri-ciri seorang alim yang lebih arif tentang ilmu Islam dan hukum-hakumnya untuk dijadikan sebagai panduan kepada dasar-dasar penting organisasi parti.⁶⁵

Melalui kepemimpinan ulama, kuasa membuat keputusan diberikan secara kolektif kepada Majlis Syura Ulama. Konsep ini diwujudkan di dalam perlembagaan parti yang memberi peruntukan penubuhan Majlis Syura Ulama dan keahliannya serta perlantikan Mursyidul Am sebagai pemimpin tertinggi parti.⁶⁶ Majlis Syura Ulama PAS yang diwujudkan di peringkat pusat mempunyai autoriti tersendiri tanpa dikuasai dan dipengaruhi oleh Jawatankuasa PAS Pusat. Majlis ini mempunyai anggota seramai 15 ahli dan diketuai oleh Mursyidul Am PAS.

Penubuhan secara berpelembagaan Majlis Syura Ulama dengan segala syarat keahlian dan peruntukan kuasa inilah yang dimaksudkan dengan kepemimpinan ulama dalam organisasi PAS. Pada tahun 1987, kepemimpinan ulama

⁶³ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 34-35.

⁶⁴ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 110.

⁶⁵ Ibnu Hasyim, *1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan : PAS Kuasai Malaysia*, 380-385.

⁶⁶ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 7(3).

Juga lihat Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 110.

Juga lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, "PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982", 76-82.

telah diluluskan dengan rasminya oleh Pendaftar Pertubuhan dan diterima pakai dalam perlembagaan parti yang sah dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana ahli. Daripada bermulanya era kepimpinan ulama pada tahun 1983, ianya telah membawa perubahan besar kepada parti sehingga kini PAS mampu berdiri dan bersaing sebagai sebuah parti politik yang mempunyai falsafah dan ideologi serta matlamat dan cita-cita yang tersendiri.

3.2.5 Struktur Organisasi Dan Pentadbiran PAS

PAS melihat kewajipan asas bagi umat Islam adalah mendirikan sebuah negara Islam. Pendirian ini juga telah ditegaskan oleh para ulama muktabar seperti al-Māwardī, Abū al-A‘lā al-Mawdūdī, Ibn Taymiyyah, Ibn Khaldūn (*fiqh siyāsī*), dan al-Ghazālī (*fiqh taṣawwuf*). Masing-masing telah menyatakan bahawa membentuk sebuah pemerintahan Islam adalah kewajipan bagi umat Islam.

Bagi merealisasikan matlamat mendirikan negara Islam, satu alternatif telah diambil oleh PAS iaitu melalui penyertaan dalam pilihan raya sebagai sebuah parti politik.⁶⁷ Penyertaan PAS dalam pilihan raya melalui sistem

⁶⁷ Walaupun terdapat pendapat yang mengatakan bahawa penyertaan ke dalam pilihan raya adalah tidak *shar‘ī*, namun penyertaan dan penglibatan PAS ke dalam pilihan raya adalah berdasarkan kepada kaedah fiqh yang dijelaskan oleh ‘Abd Karīm Zaydān iaitu “*Apabila bertemu dua mudarat maka hendaklah dipilih yang lebih ringan (untuk menjaga kemaslahatan umat Islam)*”. Sila lihat ‘Abd Karīm Zaydān, *al-Madkhal Li Firāsati al-Sharī‘at al-Islāmiyyah* (Baghdad : t.t, 1969), 99. Justeru, PAS telah menjadikan pilihan raya sebagai medan jihad dan menyertainya adalah satu kewajipan bagi jemaah seperti PAS. Dalam masa yang sama, penyertaan PAS dalam pilihan raya tidak bermakna PAS tunduk kepada perlembagaan negara seperti yang ada hari ini walaupun bukan perlembagaan Islam. (Wan Ismail Bin Wan Ibrahim berpendapat bahawa Malaysia hari ini bukanlah sebuah negara Islam tetapi sebuah negara umat Islam. Ini kerana Malaysia tidak meletakkan asas pemerintahan negara dengan dasar Islam, tetapi mengekalkan dasar penjajah. Walaubagaimanapun, Malaysia tetap telah menjalankan kerja-kerja syiar Islam seperti penerapan nilai-nilai Islam, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Perbankan Islam dan sebagainya. Dengan tidak menafikan sumbangan kerajaan Malaysia kepada kepentingan Islam, namun begitu konsep dasar pemerintahan penjajah yang diamalkan di Malaysia amat jelas bertentangan dengan matlamat dan dasar perjuangan PAS iaitu untuk mewujudkan sebuah negara Islam. Dengan menjadikan negara Islam Madinah yang ditegakkan oleh Rasulullah S.A.W sebagai model, PAS telah bergerak aktif sebagai sebuah parti politik Islam di Malaysia untuk memperjuangkan dasar dan matlamat mereka sekali gus untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Sila lihat Wan Ismail Bin Wan Abdullah, “Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahnya Menegakkan Sebuah Negara Islam”, 50.) PAS tetap dengan pendirian dan pegangan terhadap dasarnya iaitu Islam. Walaupun PAS masih tidak dapat mencapai kemenangan mutlak dalam pilihan raya dan tidak dapat menguasai negara sepenuhnya, tetapi melalui kerusi dalam pilihan raya yang telah dimenangi oleh PAS telah memberi peluang kepada wakil PAS untuk menyampaikan dakwah Islam dalam sidang parlimen di samping

demokrasi yang diamalkan di Malaysia telah menuntut PAS untuk membentuk sebuah jentera organisasi yang ampuh dan mampu menentukan pergerakan dan arah tuju perjalanan PAS dengan lebih tersusun, terancang dan efektif dalam usaha untuk menuju kepada pencapaian cita-cita politiknya.

Dari sudut struktur organisasinya, perjalanan PAS akan ditentukan oleh dua kuasa pemutus yang boleh membuat keputusan berdasarkan kepada bidang masing-masing. Melalui Perlembagaan PAS Fasal 7(3) telah memperuntukan kuasa hanya kepada Majlis Syura Ulama sebagai pembuat keputusan yang paling tinggi dalam parti.⁶⁸ Majlis Syura Ulama dipimpin oleh seorang ketua iaitu Mursyidul Am PAS (Juru Bimbing Kerohanian) dan mempunyai anggota seramai 15 orang melalui cara pembentukan yang ditentukan oleh perlembagaan parti. Berdasarkan Perlembagaan PAS Fasal 7(3) juga telah memperuntukan kuasa kepada Majlis Syura Ulama dalam menentukan strategi yang melibatkan dasar parti dan mempunyai kuasa pemutus kepada penerimaan atau penolakan sesuatu dasar strategi politik parti.⁶⁹

Manakala satu lagi kuasa telah diperuntukan kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dalam menjalankan parti dan menentukan pelaksanaan operasi harian dan strategi parti. Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dipimpin oleh seorang Presiden yang dilantik dan begitu juga dengan Ketua-ketua Dewan serta keanggotaan seramai 18 orang yang dipilih dua tahun sekali oleh perwakilan semasa Muktamar (Mesyuarat Agung Pusat). Presiden juga diberi kuasa untuk melantik 6 orang lagi

kepentingan Islam akan diutamakan dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan supaya tidak melanggar batas-batas Islam. Dengan kata lain, ia merupakan salah satu peringkat usaha yang dilakukan oleh PAS ke arah merealisasikan matlamat utama perjuangan mereka iaitu untuk mewujudkan sebuah negara Islam. Sila lihat Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 64-68.

⁶⁸ Perlembagaan PAS, 2001, Fasal 7(3).

⁶⁹ *Ibid.*

untuk menganggotai Jawatankuasa Kerja PAS Pusat manakala jawatan Setiausaha, Bendahari, dan Ketua Penerangan dibuat melalui perlantikan.⁷⁰

Organisasi PAS juga dilengkapi dengan jentera PAS Pusat yang menentukan gerak kerjanya dan diperturunkan di peringkat negeri-negeri untuk melicinkan perjalanan dan operasi parti. Beberapa Lajnah dan Pejabat telah diwujudkan iaitu sebanyak 16 Lajnah di samping 3 Jabatan serta satu jawatankuasa bangunan menguruskan premis bangunan PAS Pusat. Selain itu, organisasi PAS pula ditadbir oleh Pejabat Setiausaha yang berhubung dengan semua pejabat-pejabat Setiausaha Kawasan dan Dewan-Dewan.⁷¹

Setiap lajnah akan dilantik seorang pengerusi dan melalui lajnah-lajnah itu juga akan menggerakkan struktur organisasi dan aktiviti PAS Pusat mengikut bidang masing-masing. Manakala struktur di peringkat negeri pula adalah lebih kurang sama dengan struktur di peringkat Pusat melainkan sedikit berbeza pada beberapa perkara seperti tidak mempunyai Majlis Syura Ulama dalam sistem membuat keputusan.⁷²

3.3 PELAKSANAAN DAKWAH PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Kajian terhadap pelaksanaan dakwah PAS merupakan salah satu daripada objektif kajian. Bagi memenuhi dan mencapai objektif tersebut, kajian akan memperincikan maklumat dan data berdasarkan kepada beberapa perkara. Antaranya ialah matlamat

⁷⁰ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 115-116.

⁷¹ *Ibid.*, 117.

Penjelasan lanjut berkaitan dengan struktur Dewan PAS sila lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, "PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982", 89-96.

⁷² Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 118.

Penjelasan lanjut berkaitan dengan struktur Organisasi PAS sila lihat Kamarul Zaman Haji Yusoff, "PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982", 82-89.

dakwah, sasaran dakwah, pengurusan dakwah, dan pendekatan dakwah PAS sebagai parti politik Islam. Ianya adalah bertujuan untuk menjadikan hasil kajian lebih tepat dan jelas mengenai pelaksanaan dakwah PAS melalui politik.

3.3.1 Matlamat Dakwah PAS

Penubuhan PAS sebagai sebuah pertubuhan Islam adalah berbeza dengan pertubuhan-pertubuhan Islam lain yang ada di Malaysia. Ini kerana, PAS merupakan satu-satunya pertubuhan Islam yang bergerak sebagai parti politik dan pada masa yang sama juga bergerak sebagai sebuah badan dakwah Islam. PAS telah menjadikan pentas politik sebagai medium dakwah yang mampu memberi kesan yang lebih menyeluruh kepada rakyat.

Mujahid bin Yusof yang memetik penjelasan Nasarudin Mat Isa menyatakan bahawa perbezaan PAS dengan parti-parti lain ialah penegasan al-Quran, al-Hadith, ijmak, dan qias sebagai sumber utama rujukan PAS dalam semua tindakan dan kaedah berpolitiknya.⁷³ Perjuangan PAS adalah berpandukan kepada sumber utama tersebut sebagaimana yang telah termaktub di dalam Perlembagaan PAS.

Mohd Khairuddin menjelaskan bahawa PAS merupakan sebuah gerakan tarbiah, dakwah dan siasah. Gerakan tarbiah bertujuan untuk membina dan mengkader anggota parti agar komited dengan amal Islami menepati *manhaj al-Nabawi*. Gerakan dakwah bertujuan menyedarkan umat untuk kembali kepada

⁷³ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 104. Juga lihat Nasarudin Mat Isa, *The Islamic Party of Malaysia (PAS), Ideology Policy, Struggle, and Vision Towards The New Millenium* (Kuala Lumpur : Islamic Party of Malaysia, 2001), 1-6. Juga lihat Nasharudin Mat Isa, *50 Tahun Mempelopori Perubahan : Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun* (Selangor : PAS, 2001), 3-27.

Islam. Gerakan siasah bertujuan mengembalikan kuasa pemerintahan kepada Islam.⁷⁴

Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa matlamat dakwah PAS adalah merujuk kepada kesinambungan usaha para nabi dan rasul iaitu menyampaikan risalah dakwah kepada manusia. Dakwah adalah usaha untuk menegakkan *al-dīn* dan mentadbir urusan dunia berlandaskan kepada syariat Islam. Dakwah juga memerlukan kepada kuasa politik untuk mendapatkan kuasa pemerintahan serta dapat mendirikan negara. Kuasa politik dan kuasa pemerintahan yang dimiliki akan memastikan syariat Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna, melindungi usaha dakwah Islam, dan menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia.⁷⁵

Perjuangan PAS adalah berpandukan kepada pencapaian matlamat utamanya ke arah membina negara Islam. Dalam konteks pelaksanaan dakwah PAS, gerakan dan usaha yang dilakukan adalah bertujuan untuk menuju ke arah pencapaian matlamat yang sama iaitu untuk membina negara Islam. Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa matlamat dakwah PAS adalah untuk membina sebuah negara Islam dan masyarakat Islam. PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang tidak hanya melabelkan parti politik semata-mata, bahkan PAS merupakan sebuah badan dakwah dan siasah.⁷⁶ Dakwah adalah keutamaan PAS dan agenda dakwah dilakukan sepanjang masa. Walaupun menang atau kalah dalam pilihan raya, ianya bukan menjadi titik noktah kepada gerakan dakwah PAS bahkan ia tetap berjalan sepanjang masa. Pilihan raya bukanlah matlamat PAS semata-mata. Bahkan ianya adalah sebagai satu wasilah untuk mendapatkan kuasa

⁷⁴ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, "Kemenangan Yang Tertanggung Oleh Kejahilan", laman sesawang *Dewan Ulamak PAS Pusat*, dicapai 24 Ogos 2013, <http://ulamak.pas.org.my/v3/index.php/artikel02/minda/143-kemenangan-yang-tertanggung-oleh-kejahilan>.

⁷⁵ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

⁷⁶ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

pemerintahan negara. Ini kerana, melalui kuasa pemerintahan akan membuka ruang kepada dakwah Islamiah yang lebih menyeluruh kepada rakyat sekali gus dapat membentuk negara Islam dan masyarakat Islam.⁷⁷

Idris Ahmad menjelaskan bahawa PAS bukanlah hanya merujuk kepada parti politik semata-mata. Bahkan PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang menjadikan tugas dakwah sebagai keutamaan mereka. Usaha dakwah kepada masyarakat dilakukan sepanjang masa walaupun PAS kalah atau menang dalam pilihan raya. Matlamat dakwah adalah untuk membentuk peribadi Muslim, *Usrah Muslimah*, masyarakat Islam, dan seterusnya negara Islam (*dawlah Islāmiyyah*). Membentuk negara Islam adalah tidak sempurna jika masyarakatnya tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan. Malah cita-cita untuk membentuk negara Islam tidak akan berlaku jika masyarakat masih kabur dan kurang kefahaman tentang Islam.⁷⁸ Oleh itu, penekanan awal dakwah PAS adalah kepada aspek pembinaan peribadi Muslim yang memiliki ilmu pengetahuan dan kefahaman yang jelas tentang Islam seterusnya akan membentuk sebuah masyarakat Islam serta *dawlah Islāmiyyah*.

Kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik Islam pada hakikatnya mempunyai peranan yang sangat penting sebagai penjana gerakan dakwah Islam. Keberkesanan dan kejayaan dakwah Rasulullah S.A.W melalui pemerintahan Islam di Madinah dijadikan sumber inspirasi kepada perjuangan PAS. Justeru, membentuk sebuah negara Islam dan masyarakat Islam yang mengamalkan sistem kehidupan berlandaskan Islam adalah matlamat utama dalam misi pendakwaan PAS.

⁷⁷ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

⁷⁸ Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013

3.3.2 Sasaran Dakwah PAS

Sebagaimana pertubuhan dan organisasi dakwah yang lain, pelaksanaan dakwah PAS telah digerakkan kepada seluruh peringkat masyarakat. Bermula daripada golongan atasan sehinggalah golongan marhaen. Bahkan dakwah PAS tidak terhad kepada orang Islam sahaja, malah turut melibatkan usaha kepada golongan non-Muslim.

Sasaran dakwah PAS adalah merangkumi semua lapisan masyarakat sama ada golongan profesional, akademik, mahupun orang awam biasa. Sasaran PAS juga bukan hanya kepada orang Islam bahkan juga kepada orang bukan Islam. PAS berdakwah kepada orang Islam supaya beramal dengan ajaran Islam dan menyebarkannya kepada orang lain. Manakala dakwah kepada orang bukan Islam merujuk kepada tindakan memperkenalkan Islam kepada mereka dan mengajak mereka kepada Islam serta beramal dengan ajaran Islam tanpa kewujudan elemen paksaan. Namun begitu, keterbukaan dan penerimaan golongan non-Muslim dalam menyokong dan bekerjasama dengan PAS sebagai pakatan politik (*taḥalluf siyāsī*) merupakan kesan positif yang dianggap antara salah satu kejayaan dakwah PAS.⁷⁹

Idris Ahmad menjelaskan bahawa sasaran utama dakwah PAS adalah merujuk kepada pembentukan peribadi Muslim, *Usrah Muslimah* (keluarga), *Mujtama' Muslim* (masyarakat Muslim), dan *Dawlah Islām* (Negara Islam). Usaha untuk menegakkan negara Islam tidak akan berlaku sekiranya pelaksanaan

⁷⁹ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

dakwah kepada peringkat sasaran tersebut diabaikan. Pembentukan individu yang baik akan melahirkan keluarga yang membina kehidupan masyarakat yang baik.⁸⁰

3.3.3 Pengurusan Dakwah PAS

Pelaksanaan dakwah PAS lazimnya melibatkan komitmen daripada keseluruhan lajnah dan peringkat organisasi PAS. Ini kerana, PAS menganggap bahawa tanggungjawab terhadap tugas dakwah secara umumnya merupakan satu komitmen yang perlu dipikul oleh seluruh warga PAS meliputi barisan kepimpinan, lajnah-lajnah, dewan-dewan, dan ahli-ahlinya.⁸¹

Walaupun dalam aspek dakwah, PAS telah menubuhkan beberapa lajnah khusus yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dakwah PAS seperti Lajnah Penerangan dan Dakwah serta Lajnah Tarbiah dan Perkaderan. Adapun Lajnah Penerangan dan Dakwah adalah berperanan untuk berdakwah kepada masyarakat luar meliputi keseluruhan lapisan masyarakat seperti orang Islam, golongan non-Muslim, Orang Asli, golongan profesional, petani, nelayan, dan sebagainya. Manakala Lajnah Tarbiah dan Perkaderan pula adalah berperanan untuk pembinaan dalaman parti seperti pembinaan jati diri, pemantapan rohani dan jasmani, sikap kepimpinan, meningkatkan tahap pendidikan, dan sebagainya.⁸²

Di samping itu, kewujudan dewan-dewan seperti Dewan Ulama, Dewan Pemuda, dan Dewan Muslimat juga mempunyai fungsi dan peranan masing-

⁸⁰ Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013.

⁸¹ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013. Juga Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013.

⁸² Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

masing khususnya dalam aspek dakwah.⁸³ Dewan Pemuda contohnya lebih memfokuskan terhadap dakwah kepada golongan belia. Pelbagai pendekatan dan usaha telah dilakukan oleh Dewan Pemuda dan di antara salah satu kejayaan besar Dewan Pemuda ialah melalui penubuhan Unit Amal. Manakala melalui peranan Dewan Muslimat pula lebih memfokuskan kepada golongan wanita termasuklah dalam aspek dakwah.⁸⁴

Namun begitu, kajian lanjut mengenai lajnah dan dewan-dewan tersebut tidak diperincikan pengkaji. Malah kajian hanya akan memfokuskan terhadap usaha dakwah atau pelaksanaan dakwah PAS secara keseluruhannya. PAS tidak mengehendkan tugas dan peranan dakwah kepada sektor dan jentera tertentu sahaja bahkan PAS telah meletakkan usaha dan tanggungjawab dakwah sebagai agenda utama parti. Oleh itu, kajian akan memfokuskan kepada pelaksanaan dakwah PAS secara keseluruhan sebagai sebuah parti politik Islam.

3.3.4 Pendekatan Dakwah PAS

Dengan berpandukan kepada asas perjuangan yang utama iaitu al-Quran dan al-Hadith, PAS telah menjadi satu wadah perjuangan Islam yang mampu memberi sumbangan yang positif kepada perkembangan dakwah Islam. Berbeza dengan pertubuhan dakwah yang lain, PAS merupakan sebuah badan dakwah yang meletakkan asas-asas politik sebagai mauduk atau tajuk utama dalam pendakwahan.⁸⁵ Penubuhan PAS pada tahun 1951 telah menampilkan pelbagai pendekatan dakwah kepada masyarakat Islam mahupun bukan Islam dalam usaha

⁸³ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013. Juga Dr. Fadli Ghani (Pengarah Arkib, Pusat Penyelidikan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 2 Julai 2013.

⁸⁴ Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013.

⁸⁵ Muhammad Nazmi Bin Ishak, "Uslub Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk : Suatu Kajian Perbandingan Metode Dakwah ABIM Dengan Metode Dakwah PAS", 74.

mereka untuk memenangi hati masyarakat supaya menyokong penubuhan negara Islam di Malaysia.

Dakwah PAS telah digerakkan secara menyeluruh daripada peringkat kawasan kampung-kampung sehingga ke peringkat yang tertinggi iaitu parlimen.⁸⁶ Antaranya ialah memantapkan kepimpinan ulama, memperkenalkan konsep negara Islam, mengukuh perpaduan nasional, menerapkan nilai Islam dalam kerajaan, menggerakkan sektor perkaderan dan pentarbiahan, menggerakkan sektor kemasyarakatan dan menangani isu-isu semasa, memaksima peranan medium penerbitan, dan mendekati golongan non-Muslim.

a) Memantapkan Kepimpinan Ulama

Daripada kajian yang dilakukan, penubuhan awal PAS adalah hasil titik tolak daripada cetusan kesedaran politik Islam yang digerakkan oleh para ulama semenjak awal abad ke-20. Perkembangan kesedaran politik Islam telah membawa kepada pembentukan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) pada tahun 1947 serta Hizbul Muslimin pada tahun 1948.

Manakala melalui Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO, beberapa persidangan ulama telah dianjurkan seperti Persidangan Ulama Malaya di Muar pada tahun 1950 dan Persidangan Ulama Kedua di Kuala Lumpur pada Ogos 1951. Lantaran keperluan ulama untuk memiliki sebuah persatuan untuk merangsang kesedaran Islam di kalangan masyarakat, satu kata sepakat telah dipersetujui melalui Persidangan Ulama Kedua untuk menubuhkan Persatuan Ulama Malaya. Namun begitu, Persatuan Ulama Malaya telah ditukar kepada

⁸⁶ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 69.

Persatuan Islam SeMalaya (PAS) dalam Persidangan Ulama Malaya di Butterworth pada 24 November 1951.

Penubuhan awal PAS sememangnya sangat berkait rapat dengan peranan dan usaha yang dilakukan oleh para ulama. Hakikat ini diperkukuhkan lagi dengan melihat kepada kepimpinan PAS yang sememangnya dibarisi oleh para ulama.⁸⁷ Antaranya Ahmad Fuad Hassan, Mohd Ghazali Abdullah, Hussien Che Dol, Faqeh Mohd Noor Mahyuddin, Abdul Rahman al-Jempuli, Ahmad Maliki, Ahmad Hussein, Yahya Junid, Zabidi Ali, Ahmad Badawi, dan Haji As'iyah.⁸⁸

Selain itu, PAS juga mempunyai hubungan rapat dengan institusi-institusi pendidikan pondok yang kebanyakan telah memberi sokongan kepada perjuangan PAS. Malah PAS juga telah mendapat sokongan daripada guru-guru pondok dan tokoh ilmuan Islam.⁸⁹ Penglibatan para ulama nyata telah memainkan peranan penting untuk mendapatkan sokongan yang mendadak dari kalangan umat Islam. PAS telah mendapat sokongan daripada pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain seperti Persatuan Guru-guru Madrasah Rakyat Perak (PGMR), Persatuan Guru Islam Seberang Prai (PERGIS), Kesatuan Pelajar Agama SeMalaya (KPAS), Kesatuan Pelajar Agama Kedah (KPAK), dan Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP).⁹⁰

Walaupun bagaimanapun, kepimpinan ulama pada awal penubuhan PAS tidak dijadikan sebagai satu strategi PAS untuk mendekati rakyat. Bahkan

⁸⁷ Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah", 112.

Juga lihat Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 106.

⁸⁸ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 359.

⁸⁹ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

⁹⁰ Mohd Fadli Ghani dan Salahuddin Ayub, "Sekolah Agama Rakyat : Berpolitik dan Dipolitikkan" (Kertaskerja dibentangkan dalam Seminar Sekolah Agama Rakyat, 15 Mac 2003), 4-5.

kepimpinan PAS telah berubah kepada golongan nasionalis Islam akibat daripada teretusnya Peristiwa 13 Mei dan konfrantasi Indonesia. Perjalanan PAS selepas daripada itu telah membawa kepada kejatuhan sehinggalah PAS mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya termasuklah tewas di Kelantan.

Rentetan daripada itulah telah teretusnya gerakan daripada Dewan Pemuda PAS yang mendesak kepada kebangkitan semula PAS. Mereka memperjuangkan supaya kepimpinan PAS dibarisi oleh para ulama. Pada 24 Oktober 1982, Dewan Pemuda PAS telah mengemukakan usul-usul tentang kepimpinan ulama dan mendesak penubuhan Majlis Syura Ulama PAS. Usaha dan desakan tersebut telah berjaya mengubah tampuk kepimpinan PAS dengan menubuhkan Majlis Syura Ulama dan Tuan Haji Yusof Rawa dilantik sebagai Mursyidul Am PAS pada November 1987.⁹¹

Kesinambungan daripada kepimpinan ulama yang ditubuhkan itu tampaknya telah berjaya membawa PAS kepada era kebangkitan semula. Pelbagai pendekatan dan usaha telah dilakukan untuk mempertahankan kepimpinan ulama dan menonjolkan kepimpinan ulama kepada rakyat. Malahan, kepimpinan ulama telah berjaya memberi satu definisi baru yang lebih luas kepada Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh.⁹² Sebagai contoh, PAS melalui kepimpinan ulama telah memperkenalkan kerjasama dan pakatan politik termasuklah dengan orang bukan Islam iaitu melalui pendekatan *taḥalluf siyāsī*.

Kepentingan terhadap kewajipan negara Islam telah diterapkan kepada ahli-ahli dan masyarakat. Begitu juga dengan kepentingan terhadap cara hidup Islam yang mana telah menunjukkan perubahan positif di dalam masyarakat.

⁹¹ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 107-109.

⁹² Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

Kesedaran Islam sebagai cara hidup yang tersebar dalam masyarakat telah mengubah cara berfikir, berpakaian, pendidikan, dan sebagainya.⁹³ Kesedaran terhadap Islam dan keinginan untuk mengubah cara hidup yang memenuhi tuntutan syarak seterusnya telah mendesak kerajaan bagi mewujudkan usaha-usaha untuk menjaga kepentingan Islam. Desakan dan tuntutan tersebut telah membawa kepada penubuhan Bank Islam, perkhidmatan Insuran Islam, Universiti Islam, penyediaan pendidikan Islam, dan sebagainya.⁹⁴

Melalui kepimpinan ulama, PAS telah mengambil beberapa pendekatan untuk memperkukuhkan elemen dalaman di kalangan ahli dan juga meningkatkan pengaruh PAS di kalangan rakyat. Oleh itu, PAS telah memperkenalkan sistem *tarbiyyah ḥarākī* pada tahun 1982 yang bertujuan untuk membina kesedaran dan kefahaman ahli-ahlinya terhadap Islam secara tersusun.⁹⁵ Di samping itu, PAS juga telah memperkenalkan sistem *tarbiyyah niẓāmiyyah* untuk masyarakat awam seperti menubuhkan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU), Sekolah Menengah Islam Darul Ulum (SMIDU), Kolej Islam Darul Ulum (KIDU), dan sebagainya.⁹⁶

Secara kesimpulannya, PAS telah memperkasakan kepimpinan ulama bertujuan untuk memastikan pemerintahan dan pentadbiran negara diketuai oleh mereka yang memiliki ilmu pengetahuan dan kefahaman yang jelas terhadap Islam. Ianya adalah penting untuk memastikan pelaksanaan sistem pemerintahan

⁹³ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 112-113.

⁹⁴ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 66-67

⁹⁵ Siti Turimah Hailani, "Metode Pentarbiahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam : Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia (PAS)" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994), 96.

Juga lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 297.

⁹⁶ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 56.

dan pentadbiran negara adalah selari dengan kehendak syariat Islam. Pemerintahan negara Islam Madinah yang diketuai oleh Rasulullah S.A.W dan diikuti oleh para sahabat telah membuktikan kepada umat Islam bahawa Madinah telah dipimpin oleh individu yang paling *faqih* dalam ilmu pengetahuan Islam dan *faqih* dalam urusan pentadbiran negara.

b) Memperkenalkan Konsep Negara Islam

Melaksanakan hukum Islam merupakan satu kewajipan kepada setiap individu Muslim. Manakala pelaksanaan hukum Islam yang sempurna memerlukan kepada kewujudan sebuah negara sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W di Madinah di samping dalil-dalil al-Quran dan al-Hadith. Oleh itu, pembentukan sebuah negara Islam adalah satu kewajipan kepada setiap orang Islam bagi memastikan Islam dilaksanakan secara menyeluruh dalam kehidupan manusia.⁹⁷

Dalam usaha PAS untuk mencapai matlamat utamanya iaitu untuk membentuk sebuah negara Islam, ianya telah menghasilkan satu konsep iaitu konsep negara Islam untuk diperkenalkan kepada masyarakat. Sama ada melalui ceramah, taklimat, seminar, majlis penerangan, mahupun penulisan dan penerbitan, pelbagai usaha lagi telah digerakkan oleh PAS dengan tujuan untuk memberi pengetahuan dan penjelasan kepada masyarakat tentang konsep negara Islam yang dibawa oleh PAS.⁹⁸

Azahar bin Yaakub menjelaskan bahawa tokoh-tokoh PAS serta ulama berkaliber merupakan antara watak penting yang telah banyak menyumbang kepada penghasilan bahan bacaan seperti buku, artikel, majalah dan sebagainya. Ia

⁹⁷ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

⁹⁸ Dr. Fadli Ghani (Pengarah Arkib, Pusat Penyelidikan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 2 Julai 2013.

dijadikan medium untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan penjelasan kepada masyarakat dengan lebih berkesan.⁹⁹

Usaha PAS untuk memperkenalkan konsep negara Islam telah mengharungi beberapa tahap dan peringkat. Kerancangan usaha PAS untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang negara Islam pada 1980-an telah merangsang suasana yang radikal di kalangan ahli-ahli PAS. Mereka menuntut supaya sistem pemerintahan sekular ditukarkan kepada sistem pemerintahan berasaskan Islam dan menukar corak pemerintahan yang zalim kepada keadilan Islam. Suasana radikal ini seterusnya telah menyebabkan berlakunya Debat Agung PAS-UMNO pada 1984, peristiwa Memali pada 1985, dan penangkapan beberapa pemimpin PAS di bawah tahanan ISA pada tahun 1982, 1983, 1984, dan 1985. Keadaan tersebut telah menimbulkan desakan kepada kerajaan untuk segera melakukan perubahan.¹⁰⁰

Untuk meredakan asakan dan kesedaran rakyat terhadap kewajipan menegakkan negara Islam, beberapa dasar dan perubahan yang lebih Islamik telah diperkenalkan oleh Kerajaan BN di bawah pimpinan Mahathir Mohammad. Antaranya ialah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Dasar Kepimpinan Melalui Teladan dan Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah serta penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam.¹⁰¹ Selain itu, asakan PAS yang berterusan menuntut kepada pelaksanaan konsep negara Islam di Malaysia akhirnya telah mendorong Perdana Menteri Malaysia mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada 29 September 2001.¹⁰²

⁹⁹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 257.

¹⁰⁰ *Ibid.*, 264.

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Dr. Azahar Yaakub @ Ariffin, Bekas YDP PAS Cawangan Lembah Pantai, dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013. Juga rujuk *Utusan Malaysia*, 22 September 2001, 1.

Walaupun bagaimanapun, pengisytiharan tersebut telah ditolak dan dinafikan oleh PAS. Lantaran itu PAS telah menerbitkan dua buku iaitu “*Benarkah Malaysia Negara Islam : Amirul Mukminin Malaysia Dibicarakan*” yang ditulis oleh Kamarul Zaman Yusof dan buku yang kedua ialah “*Negara Islam : Nota-nota Penting Buat Dr Mahathir*” hasil tulisan Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, Anual Bakri Haron dan Kamarul Zaman Yusof. Pada 11 Mei 2003, PAS telah meluluskan sebuah kertas dasar tentang negara Islam yang bertajuk “*Kertas Dasar Negara Islam*” untuk dikemukakan kepada rakyat. Ia adalah satu usaha Presiden PAS iaitu Fadzil Mohd Noor untuk menyahut cabaran Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohammad yang mencabar PAS supaya menyediakan satu kertas dasar negara Islam model PAS sekiranya model negara Islam yang dibawa oleh UMNO tidak menepati ciri-ciri negara Islam yang sebenar.¹⁰³

Kejayaan PAS dalam menguasai sepenuhnya pemerintahan di beberapa negeri seperti Kelantan dan Terengganu manakala melalui kerajaan campuran seperti di Kedah, Pulau Pinang, dan Selangor telah memberi peluang kepada PAS untuk memperkenalkan Islam dan konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS. Selain itu, dengan bidang kuasa yang terhad melalui wakil PAS di Parlimen telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej-mesej Islam dan memastikan hukum dan syariat Islam dapat ditegakkan.¹⁰⁴ Justeru, beberapa perubahan dan pendekatan telah dilakukan oleh kerajaan pusat sekali gus menyahut saranan dan pandangan untuk memenuhi keperluan rakyat terhadap tuntutan pengamalan serta penghayatan Islam. Hal yang demikian merupakan

¹⁰³ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 267.

¹⁰⁴ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, “Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam”, 67.

kejayaan dakwah PAS berdasarkan bidang kuasa yang terhad di peringkat pusat melalui sidang Parlimen.¹⁰⁵

Dalam memberi kefahaman tentang konsep negara Islam yang sebenar, pelbagai usaha telah giat dilakukan oleh PAS secara berterusan seperti membangkit isu negara Islam melalui penulisan, pembentangan kertas kerja, mengadakan seminar, forum, ceramah dan sebagainya, Selain itu, usaha penterjemahan kitab-kitab dan buku tentang negara Islam juga turut dilakukan dengan tujuan untuk meluaskan kefahaman masyarakat tentang negara Islam.¹⁰⁶

Pendedahan PAS tentang konsep negara Islam juga secara tidak langsung akan memberi kefahaman dan pengetahuan kepada golongan non-Muslim. Penjelasan dan pendedahan yang sempurna akan mampu mengubah pandangan dan persepsi golongan non-Muslim terhadap Islam tanpa prejudis. Keterbukaan golongan non-Muslim dalam menerima slogan Islam sudah cukup untuk memberi satu kejayaan kepada PAS apatah lagi apabila mereka menerima Islam sebagai agama mereka yang sebenar.¹⁰⁷

c) Mengukuh Perpaduan Nasional

Melalui konsep negara Islam Madinah yang diterajui oleh Rasulullah S.A.W, PAS telah melihat ianya sebagai model paling terbaik ke arah pencapaian cita-cita perjuangannya. Kejayaan Rasulullah S.A.W dalam mentadbir negara Islam Madinah telah dibuktikan dalam semua aspek. Walaupun Madinah didiami oleh pelbagai bangsa, suku kaum, etnik, dan berlainan agama, ianya bukan menjadi

¹⁰⁵ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013. Juga lihat Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 67.

¹⁰⁶ Dr. Fadli Ghani (Pengarah Arkib, Pusat Penyelidikan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 2 Julai 2013.

¹⁰⁷ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

penghalang kepada Rasulullah S.A.W untuk menyatukan mereka di bawah satu ketaatan kepada baginda S.A.W sebagai ketua pemerintah di Madinah.

Dengan agenda dan misi untuk memperjuangkan Islam, PAS telah bergerak selari dengan apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W iaitu menjaga keselamatan, keamanan, dan keharmonian rakyat. Dalam konteks Malaysia, masyarakatnya adalah terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, dan kumpulan etnik. Namun begitu, ianya sedikitpun tidak menghalang perjuangan PAS. Malah PAS sentiasa menjaga hubungan baik dalam usaha untuk mengukuhkan lagi perpaduan nasional.

PAS merupakan di antara pertubuhan yang bergerak aktif sejajar dengan kebangkitan rakyat untuk menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu pada sekitar tahun 1945 hingga 1957. Mujahid Bin Yusof menjelaskan bahawa fasa awal penubuhan PAS adalah menggagaskan erti kemerdekaan yang hendak diperjuangkan untuk tanah air iaitu Tanah Melayu.¹⁰⁸ Komitmen PAS yang sangat serius dalam memperjuangkan kemerdekaan telah disusuli dengan pelbagai usaha. PAS telah bersatu dan mengadakan pakatan serta kerjasama dengan beberapa pertubuhan lain dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Bahkan di peringkat nasional, PAS telah terlibat dengan beberapa siri rundingan, persidangan dan kongres, bahkan menyampaikan amanat kepada rakyat ketika menyambut kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pengisytiharan PAS yang memperjuangkan kemerdekaan antara lain juga dengan harapan untuk merangsang sokongan rakyat kepada PAS. Dalam masa yang sama, PAS telah membawa idea kemerdekaan dengan menggariskan pelaksanaan hukum Islam sebagai asas kepada sebuah negara yang merdeka yang

¹⁰⁸ Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 104.

bebas daripada cengkaman penjajah asing.¹⁰⁹ Setelah mencapai kemerdekaan, PAS telah memberi pandangan-pandangan bagi memberi erti kemerdekaan yang sebenar iaitu dengan mengisi kemerdekaan yang dicapai melalui beberapa perkara utama. Antaranya ialah memajukan umat Islam, membina negara kebajikan, pelaksanaan negara Islam yang berasaskan kepada kemakmuran, keharmonian, keamanan, keadilan, dan menegakkan kebenaran serta mencegah kemungkaran.

Lantaran kemerdekaan yang dicapai, PAS bergerak dengan lebih efektif untuk membina dan mengukuhkan perpaduan di peringkat nasional. Agenda Kebangsaan Melayu mungkin amat sinonim dengan arus perjuangan PAS pada sekitar tahun 1960-an. Penyertaan tokoh-tokoh nasionalis termasuklah Burhanuddin al-Helmy merupakan di antara faktor utama PAS memperjuangkan agenda Melayu di samping beberapa faktor lain seperti gagasan Melayu Raya dan Peristiwa 13 Mei. Namun begitu, sehingga kini Kebangsaan Melayu tidak lagi menjadi agenda utama perjuangan PAS setelah PAS mengalami proses transformasi kepimpinan ulama dan tidak lagi dari kalangan tokoh Nasionalis.

Pada masa yang sama, perpaduan merupakan satu aspek yang tidak pernah dipandang enteng oleh PAS. Wan Ismail bin Wan Abdullah menjelaskan bahawa perpaduan adalah suatu aspek yang dituntut di dalam Islam selama mana ianya bertunjangkan kepada al-Quran dan al-Hadith serta tidak menggadaikan prinsip-prinsip tertentu di dalam Islam.¹¹⁰ Bahkan, suasana ketegangan, kekacauan, kekecohan, dan perkelahian adalah jelas dilarang oleh Islam. Justeru, perbezaan ideologi politik tidak sesekali dijadikan sebab untuk menafikan perpaduan rakyat ke arah mewujudkan suasana kehidupan yang lebih kondusif, aman damai, dan harmoni sepertimana yang telah digariskan oleh Islam.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", 57.

Beberapa kaedah dan pendekatan lain telah diambil oleh PAS sebagai usaha ke arah pengukuhan perpaduan nasional. Dalam konteks hubungan dengan golongan non-Muslim, PAS tidak meletakkan label parti politik Islam sebagai titik noktah untuk mengadakan hubungan dan kerjasama dengan golongan non-Muslim. Malah PAS telah memperkenalkan satu pendekatan kerjasama dengan non-Muslim yang dipanggil sebagai *taḥalluf siyāsī*. Pendekatan *taḥalluf siyāsī* adalah merujuk kepada pakatan politik yang dilihat amat penting untuk menentukan pengaruh sesebuah parti. Membina pakatan politik adalah amat penting lebih-lebih lagi apabila Malaysia terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat sama ada dari segi kaum, budaya, agama, dan ideologi politik.

PAS mengadakan kerjasama politik sebagai strategi untuk menegakkan cita-citanya. Di samping dapat menjaga hubungan baik dengan parti politik lain khususnya yang mewakili non-Muslim, kerjasama politik yang diamalkan PAS tersebut secara tidak langsung telah memberi penjelasan kepada seluruh masyarakat tentang Islam. Sikap prejudis dan persepsi negatif terhadap Islam sekali gus akan terhapus. Islam tidak akan dilihat sebagai sebuah agama yang sempit, ketinggalan, dan mundur. Bahkan Islam akan dilihat sebagai sebuah agama yang syumul serta bersesuaian dengan fitrah kehidupan manusia.

d) Menerapkan Nilai Islam Dalam Kerajaan

Dakwah melalui kerajaan adalah lebih berkesan dan menyeluruh daripada dakwah perseorangan. Kuasa pemerintahan Islam akan mampu melaksanakan Islam yang menyeluruh kepada rakyat. Hakikat ini telah dibuktikan melalui sirah Rasulullah S.A.W. Tanpa menafikan usaha dakwah baginda di Mekah di mana baginda telah berjaya membentuk jati diri dan kekuatan akidah para pengikutnya dalam tempoh 13 tahun, namun begitu dakwah baginda di Madinah nyata lebih berkesan.

Perlantikan baginda S.A.W sebagai ketua pemerintah kerajaan Islam Madinah telah mendedahkan Islam dengan lebih menyeluruh meliputi aspek-aspek universal seperti ekonomi, politik, sosial, pendidikan, dan sebagainya. Pelaksanaan Islam secara praktikal melalui Kerajaan Islam Madinah menjadikan keindahan Islam lebih terserlah sekali gus menjadi tarikan kepada masyarakat untuk menerima Islam dan memberi ketaatan kepada pemerintahan Islam.

Dalam konteks PAS, melalui kajian-kajian yang telah dilakukan ke atas kewujudan PAS sepanjang lebih 50 tahun telah mendapati bahawa PAS telah berperanan sebagai parti pemerintah di peringkat kerajaan negeri dan juga komponen dalam Kerajaan Persekutuan. Kesempatan ini telah dimanfaatkan oleh PAS untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kerajaan seterusnya membentuk satu model pemerintahan Islam yang bakal dilaksanakan sekiranya PAS berjaya menguasai Malaysia sepenuhnya.¹¹¹

Model pemerintahan PAS secara Islam dapatlah dilihat kepada pemerintahan PAS di peringkat negeri seperti di Kelantan dan Terengganu. Kelantan yang dikuasai oleh PAS dalam tempoh yang agak panjang bahkan sehingga kini telah membuktikan bahawa PAS mampu membentuk kerajaannya sendiri. Walaupun PAS adalah sebuah parti Islam, namun ia telah diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat untuk mentadbir dan memerintah negeri dengan caranya sendiri. Oleh itu, PAS telah menerapkan nilai-nilai Islam secara keseluruhannya dalam kerajaan yang dibentuk dan juga kepada seluruh rakyat. Dengan model pemerintahan PAS tersebut akan dijadikan model pemerintahan PAS di Malaysia sekiranya PAS berjaya menguasai Malaysia.

¹¹¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 331.

Disebabkan pengaruh dan budaya Barat yang diberi kebebasan untuk diamalkan dalam masyarakat, ia merupakan cabaran pertama yang terpaksa dipikul PAS apabila mengambil alih kuasa pemerintahan di Kelantan daripada sebuah kerajaan yang sebelum itu dikuasai oleh penjajah British dan Kerajaan Perikatan. Di antara usaha awal PAS setelah berjaya menguasai Kelantan pada tahun 1959 adalah lebih tertumpu kepada gerakan menghapuskan kemungkar. Mohd Amin Yaakub menjelaskan bahawa budaya-budaya asing seperti fahaman sekular, amalan syirik dan perbuatan maksiat seperti puja pantai, tradisi belaga lembu, menyabung ayam, serta kewujudan sarang-sarang maksiat seperti pusat-pusat hiburan, perjudian, dan pelacuran yang berleluasa telah menjadi faktor utama perkembangan budaya mungkar di negeri Kelantan.¹¹²

PAS juga telah menggandakan usaha untuk membanteras fahaman-fahaman syirik yang menular dalam masyarakat seperti kepercayaan terhadap kuasa hantu, penunggu dan puaka, kepercayaan khurafat, amalan mempersembahkan sembelihan, amalan memuja pantai dan sebagainya. Dalam hal ini, aspek pemantapan dan kesedaran akidah Islam telah didedahkan kepada masyarakat. Lantaran itu, PAS melalui kerajaan negeri Kelantan telah mengadakan kerjasama dengan beberapa gerakan dakwah dengan tujuan untuk memupuk kesedaran dan penghayatan tentang akidah Islam.¹¹³

Kerajaan Kelantan juga telah melantik pegawai-pegawai dakwah di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Pegawai yang dipanggil sebagai Pegawai Mubaligh dan Mubalighah ini dilantik pada seluruh jajahan-jajahan negeri Kelantan. Mereka diberi tanggungjawab dan ditugaskan

¹¹² Mohd Amin Yaakub, *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990* (Kota Bharu : Pusat Kajian Strategik, 2001), 21.

¹¹³ *Ibid.*

untuk berdakwah dan memberi penerangan kepada masyarakat untuk membanteras fahaman syirik dan mungkar.¹¹⁴

Pada tahun 1964, Mohd Asri Muda telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Di bawah kepimpinan beliau, Kerajaan PAS di Kelantan telah menggandakan usaha dan program penerapan Islam kepada rakyat. Kerajaan PAS Kelantan telah memperkemaskan undang-undang agama pentadbiran, memperkemaskan pentadbiran hal ehwal agama, meningkatkan peruntukan untuk pembinaan masjid dan tempat ibadat umat Islam, memantapkan institusi pendidikan agama, menggalakkan perkembangan dakwah serta menyebarkan syiar Islam kepada rakyat.¹¹⁵

Aspek pendidikan juga di antara aspek yang sangat diambil berat oleh Kerajaan PAS Kelantan. Ini kerana, melalui pendidikan akan memberi pendedahan dan penghayatan Islam kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Mohd Amin Yaakub menjelaskan bahawa Kerajaan Kelantan menjadikan program tarbiah dan pendidikan ilmu agama sebagai salah satu strategi untuk menegakkan syariat Islam di negeri tersebut. Pada awalnya, penubuhan sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) adalah melalui Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Walaubagaimanapun, Kerajaan Kelantan telah mengambil alih dan menyelaraskan pentadbiran SAR dan SAN untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran. Kerajaan Kelantan juga telah mewujudkan Lembaga Peperiksaan Agama bagi mengendalikan Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Tinggi Ugama (STU).

¹¹⁴ *Ibid.*, 22.

¹¹⁵ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 335.

Kerajaan Kelantan juga telah menubuhkan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilampuri pada tahun 1965. Ianya antara usaha Kerajaan Kelantan untuk menyediakan pusat pengajian agama peringkat tinggi sekali gus menjadi pemangkin kepada perkembangan pengajian tinggi Islam. Lulusan YPTIK telah mendapat pengiktirafan oleh Universiti al-Azhar di Mesir. Ini kerana lulusan YPTIK dianggap setaraf dengan Sijil Tinggi Universiti al-Azhar dan layak menyambung pengajian di tahun empat Universiti al-Azhar.¹¹⁶ Kerajaan Kelantan juga telah menyediakan dana peruntukan untuk pembiayaan pelajar-pelajar sama ada dalam mahupun luar negara. Selain itu, Kerajaan Kelantan juga membelanjakan lebih RM 100,000 setiap tahun kepada pembangunan dan kemajuan institusi pengajian pondok di Kelantan.¹¹⁷

Pada tahun 1977-1990 merupakan satu tempoh dimana PAS berada pada tahap kejatuhannya sehingga menyebabkan PAS telah tumbang di Kelantan. Namun begitu, pada tahun 1990 merupakan titik permulaan tahap kebangkitan semula PAS. Ianya telah dibuktikan apabila PAS berjaya menguasai Kelantan semula pada 21 Oktober 1990. Manakala Nik Aziz Nik Mat telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan.

Lantaran itu, PAS telah melakukan perubahan dalam sistem pentadbirannya supaya lebih ampuh dan berkesan untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada PAS. Dengan berasaskan kepada syariat Islam, PAS telah melakukan perubahan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih Islamik. Antaranya ialah amalan adab membuka majlis dengan *al-Fātiḥah* dan menutup majlis dengan *al-‘Aṣr* dan *Tasbīḥ Kaffārah* dalam setiap majlis rasmi kerajaan.

¹¹⁶ Mohd Amin Yaakub, *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*, 76-77.

¹¹⁷ *Ibid.*, 81.

PAS juga telah memperkenalkan kalendar Islam serta menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti umum pada setiap hujung minggu.¹¹⁸

Selain itu, PAS telah melarang amalan pemberian hadiah kepada pemimpin dan kakitangan kerajaan untuk menangani gejala rasuah, tidak membeli kereta rasmi yang baru sebagai langkah penjimatan, memotong elaun Menteri Besar dan wakil rakyat PAS sebagai galakan bersedekah, menghapuskan peruntukan hari raya dan Majlis Berbuka Puasa Menteri Besar serta elaun keraian Timbalan Menteri Besar untuk menggalakkan penjimatan, menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah dengan tujuan untuk memperluaskan pentadbiran Islam, Ketua Jajahan diberikan semula kuasa sebagai Yang Di Pertua Majlis Daerah untuk mengurangkan campur tangan politik kepartian dan rasuah dalam pentadbiran kerajaan tempatan.¹¹⁹

Dalam perkembangan lain, PAS juga telah menerapkan dasar pemerintahan berdasarkan kepada semangat *al-'Ubudiyah* (pengabdian diri kepada Allah), *al-Mas'ūliyyah* (perasaan bertanggungjawab), dan *al-Itqān* (tekun). Selain itu, kerajaan PAS Kelantan juga telah memperkenalkan *al-Ta'āwun* (gotong-royong) dalam pelaksanaan projek, dasar jimat cermat dalam perbelanjaan, menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Ummah, meluluskan Pekeliling Pentadbiran Islam Bilangan 1 (1994) Negeri Kelantan, mengurangkan waktu bekerja dan pulang awal ketika di bulan Ramadan, serta sesuatu majlis rasmi akan dimulakan selepas sembahyang atau ditamatkan sebelum waktu sembahyang.¹²⁰

¹¹⁸ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM" (Tesis kedoktoran, University of Birmingham, 1998), 219.

Juga lihat Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Islam Boleh* (Nilam Puri: Maahad Da'wah wa al-Imamah, 1995), ix.

¹¹⁹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 347.

¹²⁰ *Ibid.*

Sistem kewangan kerajaan juga telah diurus dan dilaksanakan secara Islam. Antaranya ialah mengasingkan akaun sumber halal dan haram, memindahkan simpanan tetap kerajaan ke Bank Islam,¹²¹ melancarkan Tabung Serambi Mekah sekali gus menggalakkan rakyat untuk bersedekah, melaksanakan Sistem Gadaian Islam al-Rahnu serta menukarkan sistem pajak gadai riba kepada pajak gadai Islam, menubuhkan Hotel Ansar yang berkonsepkan Islam, mewajibkan PKINK dan anak-anak syarikatnya membayar zakat dan menyediakan pinjaman secara Islam untuk kakitangan kerajaan.¹²²

Kerajaan PAS Kelantan juga telah menguatkuasakan undang-undang Islam dengan mengharamkan judi dan loteri, mengetatkan penjualan arak, memberi pendedahan tentang kepentingan menjaga aurat dan mewajibkan wanita Islam menutup aurat, melaksanakan pengasingan antara lelaki dan perempuan dalam sesuatu majlis atau program, menutup kelab malam, pusat hiburan, dan pusat pelacuran. Kerajaan PAS Kelantan juga telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, meluluskan Dasar Kebudayaan Negeri berasaskan prinsip Islam pada tahun 1998, meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 dan meluluskan Dasar Pelancongan Negeri berasaskan Islam.¹²³

Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa kuasa pemerintahan yang dimiliki di Kelantan telah memberi ruang kepada PAS untuk mencorak pentadbiran selari dengan acuan Islam. Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil sebagai inisiatif untuk menegakkan syiar Islam. Antaranya ialah mengawal batasan aurat dalam iklan dan papan tanda yang memperagakan wanita.

¹²¹ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 222.

¹²² Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 347.

¹²³ *Ibid.*, 348.

Kerajaan PAS Kelantan juga telah menggariskan panduan supaya pembinaan sesuatu struktur bangunan di negeri Kelantan mampu menonjolkan corak binaan yang bercirikan Islam. Selain itu, pelancaran Dinar Kelantan juga merupakan di antara projek kerajaan untuk memberi keuntungan dan mengukuhkan ekonomi rakyat.¹²⁴

Penekanan terhadap pendidikan Islam terus diberi perhatian yang serius oleh kerajaan negeri dengan tujuan untuk melahirkan lebih ramai rakyat yang berilmu, berpengetahuan dan berjiwa agama. Pelbagai usaha dan gerak kerja telah dilaksanakan. Di antara program pembangunan pendidikan Islam yang dilaksanakan ialah membaik pulih sekolah-sekolah agama dengan membina bangunan-bangunan baru untuk menyediakan ruang kelas yang lebih banyak, menggabung kurikulum berasaskan akademik dan agama, menyediakan sukatan pelajaran yang diiktiraf oleh Universiti al-Azhar, menambahkan guru terlatih di sekolah agama, meningkatkan jumlah jawatan guru tetap dan berpencen di sekolah agama dan menaikkan elaun guru-guru di sekolah agama.

Usaha terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam oleh kerajaan negeri Kelantan terus melangkah ke hadapan dengan penubuhan Ma'ahad Dakwah wa al-Imamah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Pulau Chondong dan Institut Teknologi Darul Naim (ITD). Selain itu, peranan institusi pendidikan pondok di bawah Pusat Pengajian Pondok YIK terus dikembangkan. Manakala Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah diberi penambahan peruntukan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan pengurusan dan pembangunannya.

¹²⁴ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

Aspek pembangunan masjid dan perkembangan dakwah juga telah dibangunkan oleh kerajaan negeri. Selain menambahkan peruntukan untuk kemajuan dan pembangunan masjid, pelbagai kursus telah dianjurkan kepada kakitangan masjid, mengadakan muzakarah imam-imam, meningkatkan jumlah elaun imam-imam, mengadakan program imarah masjid dan meningkatkan bilangan guru-guru al-Quran dan fardhu ain. Kerajaan negeri juga meningkatkan kerjasama dengan badan dakwah seperti PERKIM, menubuhkan Unit Halaqat Dakwah, dan mempergiatkan dakwah melalui agensi kerajaan, mengadakan tazkirah berkala di jabatan kerajaan dan menggiatkan kursus kefahaman Islam.

Keperluan sosial juga diberi tumpuan oleh PAS kerana ianya juga merupakan di antara keperluan manusia. Namun begitu, ianya perlu kepada batasan-batasan agama yang telah disyariatkan oleh Islam. Justeru, PAS telah mengambil pelbagai pendekatan untuk memenuhi keperluan sosial rakyat yang bersesuaian dengan kehendak agama dan batasan syariat. Selain melakukan pindaan terhadap dasar kebudayaan dan Enakmen Hiburan, Kerajaan Kelantan juga telah mengharamkan konsert hiburan yang berunsur kepada kelalaian melampau seperti konsert rock, menyediakan konsert nyanyian wanita hanya untuk golongan wanita di tempat yang tertutup, dan menyediakan tempat yang berasingan antara lelaki dan perempuan ketika mengadakan sesuatu program yang melibatkan masyarakat umum.

Keutamaan kepada kaum wanita juga diberi perhatian oleh kerajaan negeri dengan mewujudkan kaunter berasingan lelaki dan perempuan di pasar raya, menubuhkan Pusat Rawatan *al-Nisā'*, dan memperkenalkan cuti bersalin 60

hari untuk pegawai dan kakitangan kerajaan negeri, agensi-agensi dan badan-badan berkanun.¹²⁵

Dengan moto Membangun Bersama Islam, PAS telah berusaha melaksanakan sistem pemerintahan Islam di Kelantan meliputi undang-undang, ekonomi, pendidikan, pembangunan insan dan sosial berdasar bidang kuasa yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Pemerintahan PAS di Kelantan sejak 1990 sehingga kini telah menjadi model kepada sebuah pemerintahan Islam yang diperjuangkan oleh PAS. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada faktor-faktor tertentu seperti sekatan daripada Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Pusat telah menyebabkan sebahagian daripada hasrat PAS untuk melaksanakan Islam secara menyeluruh kepada rakyat tidak dapat dilaksanakan.

Dalam konteks Kerajaan Pusat, walaupun PAS tidak menduduki keseluruhan kerusi parlimen dan tidak memerintah negara, namun begitu penyertaan PAS melalui wakil-wakilnya yang telah berjaya dalam pilihan raya telah memberi impak yang sangat baik sama ada dalam sidang parlimen dan pemerintahan negara yang berdemokrasi. Jika menelusuri sejarah tentang penyertaan PAS ke dalam UMNO pada 1973, ianya telah memberi ruang dan peluang kepada PAS untuk menyebarkan dakwah Islam di samping menerapkan Islam dalam pemerintahan dan pentadbiran negara.

Melalui kajian-kajian lepas, beberapa perubahan telah dilakukan oleh PAS setelah menyertai Kerajaan Campuran walaupun hanya pada tempoh lima tahun. Menurut Ibrahim Ahmad, pelbagai aktiviti keislaman telah dilaksanakan oleh kerajaan pada dekad 1970-an. Antaranya ialah penubuhan YADIM,

¹²⁵ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 222.

Juga lihat Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Islam Boleh*, ix.

mengadakan Balai Islam PERKIM, meningkatkan tentangan terhadap arak, perjudian dan filem lucah, meningkatkan seruan-seruan Islam kepada kakitangan kerajaan, memupuk semangat al-Quran kepada rakyat, menanamkan semangat tauhid dan keimanan sebagai asas disiplin anggota tentera serta memperbanyakkan rancangan berunsurkan Islam di radio dan televisyen.¹²⁶

Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa dalam tempoh 1973-1975 iaitu ketika PAS bersama Kerajaan Campuran, beberapa perubahan telah berjaya dilakukan oleh PAS. Antaranya ialah memperkenalkan kesenian Islam, menghapuskan arak dalam majlis-majlis rasmi kerajaan, menghapuskan tempat minum arak (bar) di Parlimen dan memperkenalkan kuliah agama di jabatan-jabatan kerajaan.¹²⁷

Strategi PAS yang mengatur program-program dan agenda Islamisasi melalui Kerajaan Pusat adalah dianggap sebagai tahap kedua usaha PAS untuk menerapkan Islam dalam pemerintahan negara. Ini kerana, melalui peruntukan kuasa yang dimiliki, PAS telah memperkenalkan cara hidup Islam seperti kesenian dan muzik dalam Islam, penubuhan institusi pendidikan Islam, institusi ekonomi Islam, mencadangkan rang undang-undang Islam sebagai dasar negara, mempergiatkan usaha dan gerakan dakwah Islamiah, menghapuskan unsur maksiat seperti arak, perjudian, loteri, pelacuran, pertandingan ratu cantik, pengaruh komunis, dan sebagainya.¹²⁸

¹²⁶ Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi* (Petaling Jaya : IBS Buku Sdn. Bhd., 1989), 25.

¹²⁷ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

¹²⁸ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 345.

Selain perlantikan Mohd Asri Muda sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas,¹²⁹ PAS juga telah disediakan beberapa peruntukan untuk melantik pimpinan PAS bagi menduduki pelbagai jawatan kerajaan. PAS juga telah diberikan hak dan kebebasan untuk mengemukakan pendapat dan cadangan atau membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang bertentangan dengan Islam. Persetujuan ini sekali gus telah membuka ruang yang luas kepada PAS untuk menerapkan Islam kepada pemerintahan dan pentadbiran negara.¹³⁰

Dalam perkembangan lain, jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan jawatan-jawatan lain yang dipegang oleh PAS dalam kerajaan telah membuka ruang kepada PAS untuk memperkenalkan Islam kepada masyarakat. PAS mula memperkenalkan Islam kepada masyarakat peneroka di tanah-tanah rancangan. PAS telah membawa konsep kesenian dalam Islam melalui nasyid sebagai muzik alternatif untuk diketengahkan kepada masyarakat yang ketika itu popular dengan Pop Yeh Yeh dari Barat. Lantaran itu, penubuhan kumpulan nasyid Suraya dan jempunan Orkestra al-Wattan dari Sumatera telah mengadakan konsert-konsert nasyid di Felde-Felde.¹³¹ Selain itu, PAS juga telah menggunakan ruang sebaik mungkin untuk berdakwah dengan lebih selesa tanpa sebarang halangan kepada kakitangan kerajaan. Malah satu cadangan telah dibuat oleh PAS dalam Dewan Rakyat supaya kerajaan menjadikan Islam sebagai sumber asas penggubalan undang-undang.

¹²⁹ Melalui perlantikan Mohd Asri Muda sebagai Menteri Kemajuan Tanah, beliau diberi tanggungjawab untuk membangunkan tanah-tanah rancangan. Manakala perlantikan sebagai Menteri Agama adalah melalui portfolio tugas-tugas khas. Mohd Asri Muda juga telah menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Sila lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 340.

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Mohd Asri Muda, *Memoir Politik Asri : Meniti Arus* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 100.

Manakala pada tahun 1974, PAS telah mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan Bank Islam sebagai pusat ekonomi umat Islam.¹³² Selain itu, PAS telah menyambut baik cadangan PKPIM dan ABIM kepada kerajaan supaya menubuhkan Universiti Islam sebagai pusat pendidikan alternatif kepada umat Islam.¹³³ Hal demikian menunjukkan bahawa PAS sangat komited dalam memberi perhatian yang khusus terhadap aspek pendidikan Islam dan berusaha meningkatkan jumlah pusat-pusat pengajian Islam.

Pada 20 November 1975, satu usul Undang-Undang Moral telah diusulkan oleh Dewan Pemuda PAS kepada Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara dengan tujuan untuk membendung kegiatan zina, khalwat, dan sekedudukan. Manakala pada 7 Julai 1976, satu perbincangan telah diadakan antara PAS dengan Kementerian Penerangan. Antara tujuan perbincangan tersebut diadakan adalah untuk menamatkan iklan perjudian di radio dan televisyen, mewajibkan ucapan salam iaitu dengan lafaz *assalāmu‘alaykum* pada pengacara beragama Islam dalam setiap rancangan, menambahkan rancangan-rancangan keagamaan, mengurangkan rancangan yang bercanggah dengan nilai ketimuran dan menghentikan rancangan agama selain Islam melainkan pada hari kebesaran sesuatu agama.¹³⁴

¹³² Badan Perhubungan PAS Kelantan, *Laporan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan untuk Kongres PAS ke-XXI*, 1975, 3.

¹³³ Muhd Idris Ibrahim, *Sekitar Perjuangan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, dalam *Jawatankuasa Gagasan 21 Menangani Era Globalisasi : Agenda Generasi Muda Serantau* (Kuala Lumpur : PEPIAT, 1995), 172.

¹³⁴ *Penyata Tahunan Dewan Pemuda PAS 1975-1976*, 32.

Peranan PAS dalam Kerajaan Pusat walaubagaimanapun telah berakhir pada 5 Disember 1977 apabila PAS telah disingkirkan daripada Barisan Nasional setelah PAS membantah Rang Undang-Undang Darurat Kelantan 1977 yang dibawa oleh Perdana Menteri untuk mengatasi krisis politik Kelantan. Penyingkiran PAS daripada Barisan Nasional sekali gus telah mengakhiri sumbangan PAS untuk melaksanakan Islam menerusi saluran Kerajaan Pusat. Namun begitu, tempoh 1973-1977 telah dilihat sebagai fasa pertama penerapan nilai-nilai Islam dalam kerajaan. Ini kerana selama tempoh penyertaan PAS dalam Kerajaan Pusat tersebut, ianya telah berjaya dimanfaatkan oleh PAS untuk menonjolkan Islam dalam kedudukan yang lebih selesa sama ada kepada kepimpinan kerajaan mahupun kepada masyarakat.

Daripada perincian maklumat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pembabitan PAS dalam politik semenjak 1959 telah memberikan kesan positif terhadap perkembangan dakwah Islam dalam negara. Penguasaan PAS di beberapa buah negeri seperti di Kelantan dan Terengganu telah membuka ruang kepada PAS untuk menerapkan Islam kepada rakyat. Selain melakukan pembersihan akidah rakyat, PAS juga telah melakukan pembinaan masyarakat berilmu seterusnya memupuk masyarakat terhadap kesedaran Islam yang syumul. Islam dapat dilaksanakan kepada seluruh aspek sama ada dalam kerajaan dan pemerintahan, ekonomi, undang-undang, sosial, dan sebagainya.

Keberkesanan dan kejayaan model pemerintahan Islam di negeri tersebut merupakan model pemerintahan yang akan dilakukan oleh PAS sekiranya diberikan kuasa untuk mentadbir negara. PAS juga terus melaksanakan agenda perjuangan dan dakwah Islam kepada Kerajaan Pusat. Walaupun tidak memiliki kuasa mutlak untuk mentadbir negara, namun dengan wakil-wakil PAS dalam

Parlimen Negara akan sentiasa memberi cadangan dan membangkang sesuatu usul kerajaan supaya ianya sentiasa bertepatan dengan syarak dan tidak bertentangan dengan Islam.

e) Menggerakkan Sektor Perkaderan Dan Pentarbiahan

Aspek perkaderan dan pentarbiahan sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan PAS. Bahkan aspek tersebut sememangnya sangat diambil berat oleh PAS semenjak daripada awal penubuhannya, khususnya tarbiah di kalangan kepimpinan serta ahli-ahli. Melalui medium perkaderan dan pentarbiahan akan mampu melahirkan pendakwah-pendakwah sama ada berorientasikan kepartian mahupun pendakwah bebas yang seterusnya mampu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat.¹³⁵

Khaled Mat menjelaskan bahawa penubuhan PAS sebagai sebuah gerakan Islam adalah berdasarkan kepada penerimaan pengaruh daripada gerakan Islam sedunia yang lebih berpengalaman dalam menghadapi cabaran semasa. Oleh itu, PAS juga sangat mengambil berat tentang aspek pentarbiahan sebagaimana gerakan *Ikhwān al-Muslimīn*, Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi), dan *Jama'at Islāmī* di Pakistan.¹³⁶

Wan Ismail Bin Wan Abdullah menjelaskan bahawa kepulangan pelajar-pelajar Melayu yang mendapat pendedahan awal tentang gerakan Islam dan menerima tarbiah secara langsung ketika mereka belajar di Asia Tengah telah mencetuskan satu fenomena baru di Tanah Melayu. Lantaran kemahuan untuk membawa perubahan ke dalam masyarakat Melayu, mereka telah membawa dan mengemukakan idea-idea perubahan dan pembaharuan dalam pemikiran serta

¹³⁵ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

¹³⁶ Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah", 119.

sikap terhadap Islam.¹³⁷ Antaranya ialah Zulkifli Mohammad¹³⁸, Tuan Haji Yusof Rawa¹³⁹, Abdul Hadi Awang¹⁴⁰ dan ramai lagi. Perjuangan mereka lebih menyerlah setelah menjadikan PAS sebagai landasan. Oleh itu, adalah tidak mustahil apabila idea pemikiran *Ikhwān al-Muslimīn* dan pengaruh tarbiahnya telah banyak menular ke dalam PAS dan mempengaruhi gerakan perjuangannya.

Permulaan tarbiah PAS secara umumnya adalah hasil kesinambungan usaha tarbiah melalui satelitnya seperti KPAS, PKPIM, dan ABIM. Namun begitu pada tahun 1970-an, PAS telah melaksanakan program tarbiah dan

¹³⁷ Wan Ismail Bin Wan Abdullah, “Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam”, 21.

Juga lihat Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, “Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan”, 204-207.

¹³⁸ Zulkifli Mohamad merupakan salah seorang tokoh penting dalam siri perjuangan PAS di Malaysia. Beliau telah menerima tarbiah secara langsung daripada tokoh-tokoh *Ikhwān al-Muslimīn* seperti *Hassan al-Bannā* dan *Sayyid Quṭb* semasa beliau belajar di Mesir. Beliau juga pernah memimpin persatuan pelajar di Mesir dan sentiasa aktif dalam membabitkan diri pada majlis ilmu yang diadakan di pusat *Ikhwān al-Muslimīn* di Qāherah. Sekembalinya beliau ke tanah air sebagai seorang lulusan dari Universiti al-Azhar, beliau meneruskan perjuangan demi kebangkitan Islam di Tanah Melayu. Melalui karisma dalam kepimpinan serta semangat memperjuangkan Islam, beliau telah diberi mandat untuk memimpin PAS. Keringat dan perkhidmatan beliau bersama perjuangan PAS telah banyak meninggalkan jasa dan sumbangan dalam perkembangan gerakan PAS di Malaysia.

¹³⁹ Tuan Haji Yusof Rawa telah mendapat tarbiah secara tidak langsung daripada *Ikhwān al-Muslimīn* melalui pembacaan buku tokoh *Ikhwān al-Muslimīn*. Beliau juga pernah memimpin Kesatuan Pelajar Malaya-Indonesia ketika beliau masih belajar di Mekah. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah menerbitkan majalah *al-Islām* yang terkandung di dalamnya terjemahan *Tafsīr fī Zilāl al-Qurān*. Ramai di kalangan pelajar telah terpengaruh melalui majalah ini seperti Wan Mustapha Rusdi, Omar Mohamad bahkan juga mempengaruhi pelajar-pelajar dari Indonesia. Semangat perjuangan beliau untuk menegakkan syiar Islam telah menyebabkan beliau dilantik sebagai Yang Di Pertua Agung PAS pada tahun 1982 sehingga 1988.

¹⁴⁰ Dato’ Seri Abdul Hadi Awang telah mendapat pendidikan di Universiti Madinah dan telah mendapat tarbiah secara langsung daripada Shaykh Sa’id al-Hawwā dan Dr. Muḥammad al-Wakīl. Selain itu, beliau juga telah menerima tarbiah daripada jemaah *Ikhwān* semasa beliau menuntut di Universiti al-Azhar. Berbekalkan kepada ilmu dan tarbiah yang telah diperolehi, beliau merupakan antara individu yang memperjuangkan kebangkitan Islam di Tanah Melayu setelah sekembalinya beliau ke tanah air. Perjuangan Abdul Hadi Awang seterusnya bergerak aktif apabila beliau telah menyertai ABIM. Penubuhan ABIM pada tahun 1970-an pula telah banyak membantu penyebaran pemikiran *Ikhwān al-Muslimīn* di Malaysia. ABIM juga dianggap sebagai sebahagian daripada PAS. Ini kerana, melalui ABIM telah melahirkan tokoh-tokoh yang berwibawa dalam kepimpinannya seperti Dato’ Seri Abdul Hadi Awang, Dato’ Yahya Othman, Dato’ Abu Bakar Chik, dan Dato’ Fadzil Mohd Noor. Namun begitu, tatkala PAS yang dilanda krisis dan permasalahan dalam parti pada tahun 1978, penyertaan dan kemasukan beberapa tokoh-tokoh ABIM ke dalam PAS seperti Dato’ Seri Abdul Hadi Awang, Dato’ Fadzil Mohd Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, dan Abdul Ghani Abdul Rahman ternyata telah membawa nafas baru dan telah memberi impak positif kepada rentak perjuangan PAS. Sila lihat Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Alirannya* (Jakarta : Gema Insani Press, 1977), 222-225.

Juga lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 124.

Juga lihat Khaled Bin Mat, “Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah”, 117.

perkaderan mengikut sukatan dan caranya yang tersendiri. PAS telah menubuhkan sebuah organisasi yang bernama Lajnah Tarbiah dan Perkaderan yang bertanggungjawab untuk melatih dan mengkader jentera-jentera dakwah PAS.

Siti Turimah Hailani menjelaskan bahawa pada tahun 1978 satu kertas kerja berkenaan usaha PAS untuk meningkatkan program tarbiah dan pengisian di kalangan ahlinya telah disiapkan oleh Dewan Ulama PAS Pusat.¹⁴¹ Kertas kerja tersebut kemudiannya telah menjadi asas kepada satu takwim tarbiah yang diputuskan pada tahun 1982.¹⁴² Kertas kerja itu juga antara lainya telah menyatakan bahawa pimpinan dan mereka yang terlibat perlu menunjukkan perbezaan antara ahli PAS dan bukan ahli. Ianya sangat penting untuk menjelaskan kepada masyarakat pada ketika itu yang masih keliru untuk membuat perbezaan antara ahli PAS dan bukan ahli PAS.

Manakala Azahar Bin Yaakub menjelaskan bahawa satu kertas kerja tentang pelan tarbiah, perkaderan, dan dakwah telah dikemukakan oleh Lajnah Tarbiah Dewan Pemuda PAS di bawah kepimpinan Abdul Hadi Awang kepada Dewan Pemuda PAS pada tahun 1978. Kertas kerja tersebut antara lainya adalah bertujuan untuk mewujudkan satu program pentarbiahan *harakī* dalam PAS. Melalui gerakan tarbiah *harakī* ini telah melahirkan program-program untuk dilaksanakan kepada ahli-ahli PAS secara berkala seperti usrah, *tamrīm*, *liqā' al-fikr*, *mukhayyam tarbawī*, *nadwah* dan sebagainya.¹⁴³

Selain itu, program perkhemahan kepimpinan juga dilaksanakan oleh PAS untuk memupuk dan melatih kepimpinan yang baru yang mempunyai

¹⁴¹ Siti Turimah Hailani, "Metode Pentarbiahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam : Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia (PAS)", 96.

¹⁴² Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 297.

¹⁴³ *Ibid.*, 378

Juga lihat Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka", 112.

pendedahan dan kefahaman yang baik tentang Islam dan perjuangan PAS sebagai harakah Islam. Dalam perkembangan lain, kesemua program tarbiah dan kepimpinan PAS telah diselaraskan oleh Nakhaie Ahmad pada tahun 1979 dalam satu modul khas latihan (*tamrīn*) untuk dilaksanakan kepada ahli-ahli PAS dengan lebih terancang dan tersusun.¹⁴⁴

Selain mengadakan program tarbiah dan perkaderan *harakī* kepada ahli, PAS juga turut melaksanakan usaha pentarbiahan dan perkaderan *nizāmī* kepada masyarakat awam dan ahli-ahlinya melalui penubuhan sekolah-sekolah agama serta institusi latihan seperti ILHAM, PEMBINA dan AKP.¹⁴⁵ Ia adalah bertujuan untuk melahirkan ulama-ulama, para profesional, dan individu-individu yang memiliki pengetahuan Islam dan memahami permasalahan semasa.¹⁴⁶

Pada tahun 1994, Lajnah Tarbiah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat telah menubuhkan Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Dakwah Islamiah (ILHAM) yang bertujuan untuk memberikan latihan kepimpinan dan tarbiah secara formal kepada ahli-ahli PAS.¹⁴⁷ Penubuhan ILHAM telah menawarkan beberapa kursus seperti Diploma Tasawwur Islam dan Diploma Lanjutan Kepimpinan Islam. Penubuhan ILHAM juga antara lain telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen PAS yang serius dalam usaha untuk memastikan proses pentarbiahan dapat dilakukan dengan lebih efektif.¹⁴⁸ Selain itu, Pusat Bina Sahsiah (PEMBINA) yang ditubuhkan pada tahun 1993 telah dinaiktaraf kepada Akademi Kepimpinan Pemuda (AKP) pada tahun 2003. Usaha naiktaraf PEMBINA kepada AKP adalah sejajar dengan peranannya untuk melahirkan

¹⁴⁴ *Ibid*

¹⁴⁵ *Ibid.*, 384.

¹⁴⁶ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

¹⁴⁷ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 383.

¹⁴⁸ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 189.

barisan pelapis kepimpinan baru PAS yang memiliki pakej keupayaan diri yang serba boleh dan mampu memimpin parti dan negara.

Usaha pentarbiahan PAS juga telah dilakukan melalui penubuhan pusat-pusat pendidikan seperti Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) di Kedah, Pusat Tarbiyah Anak-Anak Islam (PUTRA) di Kelantan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) di Terengganu.¹⁴⁹ Pelaksanaan projek prasekolah adalah bertujuan untuk membina tunas-tunas Islam dengan budaya pendidikan Islam daripada peringkat akar umbi.¹⁵⁰

Selain itu, pentarbiahan PAS melalui sistem pendidikan terus melangkah ke hadapan apabila PAS juga telah menubuhkan sekolah-sekolah rendah Islam, sekolah menengah Islam, sekolah-sekolah tahfiz, institusi pondok, dan juga berjaya menubuhkan pusat pengajian tinggi seperti Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) di Kedah, Kolej Universiti Islam Zulkifli Mohammad (KUIZM) di Selangor, dan Qiam di Perak.¹⁵¹

Khaled Mat menjelaskan bahawa penubuhan institusi-institusi pendidikan Islam merupakan di antara satu program pentarbiahan dan perkaderan PAS yang terbuka kepada masyarakat awam. Perkembangan dan percambahan pusat pendidikan Islam daripada peringkat rendah sehingga peringkat pengajian tinggi secara tidak langsung akan melahirkan pelapis-pelapis pimpinan Islam yang berkaliber dan memberi ilmu pengetahuan Islam yang jelas kepada masyarakat.¹⁵²

¹⁴⁹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 382.

Juga lihat Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 192-193.

¹⁵⁰ Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah", 144-146.

¹⁵¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 382.

¹⁵² Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah", 143-144.

Medium pentarbiahan secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan sebagai salah satu medium dakwah yang digunakan oleh PAS untuk membentuk individu yang mempunyai peribadi dan sahsiah yang tinggi serta dilengkapi dengan sikap kepimpinan yang unggul. Dalam masa yang sama, tarbiah PAS juga amat menekankan kepada aspek pemantapan rohani dan jasmani di kalangan ahli-ahli. Pelaksanaan program tarbiah PAS bukan hanya melibatkan ahli-ahli PAS sahaja, bahkan PAS juga telah menyediakan program-program tarbiah untuk bukan ahli dan sesuai untuk disertai oleh masyarakat awam.¹⁵³ Di antaranya ialah usrah, majlis ilmu (*liqā' al-fikr*), ceramah agama atau kelas pengajian agama (*tafaqquh fī al-dīn*), perkhemahan (*mukhayyam tarbawī*), dan sebagainya.

f) Menggerakkan Sektor Kemasyarakatan Dan Menangani Isu-Isu Semasa

Sirah Rasulullah S.A.W telah membuktikan bahawa kemajuan dalam sektor kemasyarakatan telah dijadikan sebagai salah satu medium dakwah baginda S.A.W untuk memperkenalkan dan mempengaruhi masyarakat kepada Islam. Usaha untuk memajukan sektor kemasyarakatan sama ada dalam bidang pendidikan, kebajikan, sosial, dan ekonomi telah menarik orang ramai kepada Islam sekali gus meraih sokongan mereka untuk membentuk negara Islam di Madinah.

Dalam konteks PAS, melalui kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan secara umumnya bahawa penubuhan PAS adalah sangat sinonim dengan usaha-usaha kemasyarakatan. Namun begitu, kekalahan teruk yang dialami oleh PAS pada tahun 1986 telah memberi satu tamparan hebat kepada PAS. Situasi tersebut juga telah mendesak PAS supaya meningkatkan usaha untuk mendekati masyarakat dengan lebih serius sebagai salah satu strategi untuk mengembalikan sokongan rakyat kepada parti PAS.

¹⁵³ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 187.

Lantaran itu, pada tahun 1997 PAS secara rasminya telah menjadikan sektor kemasyarakatan sebagai strategi politiknya.¹⁵⁴ Satu kertas kerja yang bertajuk “*Sektor ijtimai’e : Realiti dan Cabaran*” telah dibentangkan dalam Munaqasyah Ucapan Dasar Presiden. Melalui kertas kerja tersebut, PAS telah menggariskan beberapa agenda kemasyarakatannya dalam bidang ibadat, sosial, kebajikan, kesihatan, pembangunan, pendidikan, ekonomi, hubungan antara kaum, kekeluargaan dan penerangan.¹⁵⁵ Pada masa yang sama, usaha PAS untuk menggerakkan dan memajukan sektor kemasyarakatan sekali gus akan menjadi tarikan dakwah kepada masyarakat untuk mengenali dan menghayati Islam sebagai cara hidup.

Tuan Ibrahim Tuan Man menjelaskan bahawa bidang pendidikan merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh PAS untuk diketengahkan kepada masyarakat. Penubuhan institusi-institusi pendidikan adalah bertujuan untuk menampung keperluan masyarakat terhadap aspek pendidikan. Dalam masa yang sama, melalui institusi pendidikan ini PAS dapat mengadakan hubungan baik secara langsung dengan masyarakat. Kepentingan kepada pendedahan pendidikan Islam di peringkat akar umbi telah membawa kepada penubuhan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan Pusat Tarbiyah Anak-Anak Islam (Putra Islam) untuk peringkat prasekolah. Selain itu, PAS juga telah menubuhkan sekolah-sekolah rendah dan menengah Islam serta kolej-kolej Islam dan Kolej Universiti Islam bagi peringkat pengajian tinggi.¹⁵⁶

Dua kejayaan terbesar PAS dalam usaha untuk menggerakkan sektor kemasyarakatan adalah melalui PASTI dan Unit Amal. Penubuhan PASTI secara

¹⁵⁴ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, “Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia”, 385-386.

¹⁵⁵ *Ibid.*

¹⁵⁶ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

rasmi pada 1987 adalah berperanan sebagai institusi yang menyediakan pendidikan prasekolah. Ianya telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat dan perkembangannya sentiasa menunjukkan peningkatan sama ada dari sudut kuantiti penubuhan PASTI, pelajar, dan guru.¹⁵⁷

Manakala penubuhan Unit Amal pada 1992 juga telah memberi impak positif dalam masyarakat. Unit Amal merupakan sebuah pasukan beruniform yang ditubuhkan oleh PAS untuk menjalankan kerja-kerja sosial.¹⁵⁸ Unit Amal telah menubuhkan beberapa unit-unit lain yang mempunyai peranan masing-masing seperti *'Amal al-Shabāb*, *'Amal al-Walad*, Kelab Nasyid *Ṣawt al-'Amal* dan YAM. Selain itu, Unit Amal juga telah menubuhkan Unit *'Amal al-Nisā' wa al-Banāt* dengan tujuan untuk menggerakkan kerja-kerja sosial bagi kaum wanita.¹⁵⁹ Kejayaan dan keberkesanan Unit Amal dapat dilihat melalui jumlah keahliannya yang semakin meningkat.

Dalam perkembangan lain, sektor kemasyarakatan yang digerakkan oleh PAS tidak hanya tertumpu kepada golongan masyarakat tertentu bahkan ianya merangkumi keseluruhan golongan dalam masyarakat. Di samping tumpuan kepada golongan masyarakat seperti petani, nelayan, peneroka, buruh, golongan miskin, masyarakat luar bandar, Orang Asli dan orang bukan Islam, PAS juga memberi tumpuan kepada golongan profesional, usahawan, siswazah, dan karyawan seperti artis, pelakon, penyanyi, penggiat seni, dan sebagainya.¹⁶⁰ Pelbagai usaha telah dilakukan bersesuaian dengan kemampuan penerimaan golongan-golongan tersebut. Kemajuan dan keberkesanan usaha kemasyarakatan

¹⁵⁷ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 388.

¹⁵⁸ *Ibid.*

¹⁵⁹ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 201.

¹⁶⁰ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulamak, Ketua Penerangan Pas Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temubual dengan penulis, 28 Jun 2013.

yang dilakukan oleh PAS bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan baik antara PAS dengan masyarakat, malah ianya merupakan satu medium pendakwaan PAS untuk memberi penjelasan dan pendedahan tentang Islam kepada masyarakat.

Penglibatan PAS secara kolektif dalam masyarakat juga dapat dilihat melalui peranannya dalam menangani isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat seperti isu keadilan sosial, kebajikan, ekonomi, penyelewengan, pendidikan, dan sebagainya. Selain itu, isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat sama ada di peringkat antarabangsa, nasional, dan setempat telah ditangani oleh PAS.¹⁶¹ Manakala tumpuan isu pula lebih bersifat kepada keagamaan, kenegaraan, kebangsaan, kemanusiaan, kebajikan, kepenggunaan, dan kepentingan awam.¹⁶² Melalui usaha tersebut merupakan salah satu strategi politik PAS untuk merangsang sokongan dan menarik perhatian masyarakat untuk menyokong perjuangan PAS ke arah gagasan negara Islam.¹⁶³

Manakala dalam konteks dakwah, usaha PAS dalam menangani isu-isu semasa telah membantu masyarakat untuk memberi penjelasan, pendedahan dan jalan penyelesaian khususnya terhadap isu-isu yang berkaitan keagamaan seperti kekeliruan dan salah faham terhadap agama. Islam bukan hanya dilihat dalam konteks keagamaan dan ibadat semata-mata, bahkan Islam dapat diperkenalkan kepada masyarakat sebagai sebuah agama yang syumul meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Islam adalah sebuah agama yang mengurus dan mengatur kehidupan manusia manakala setiap pensyariatannya adalah bersesuaian dengan kehendak dan keperluan manusia di dunia dan di akhirat.

¹⁶¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 422 & 426.

¹⁶² *Ibid.*, 422.

¹⁶³ *Ibid.*, 421.

Melalui penjelasan maklumat di atas dapatlah disimpulkan bahawa penglibatan dan gerakan PAS dalam sektor kemasyarakatan merupakan satu strategi penting dalam usaha PAS untuk berdakwah kepada masyarakat. Di samping itu, penglibatan PAS dalam masyarakat juga akan mewujudkan hubungan yang baik antara PAS dengan masyarakat sekali gus dapat menepis segala tanggapan dan persepsi negatif terhadap PAS sebagai sebuah parti politik Islam. Komitmen yang tinggi dan usaha yang berterusan dalam menangani isu-isu semasa yang berlaku akan memperlihatkan betapa PAS begitu komited dalam kebajikan masyarakat. Situasi tersebut secara tidak langsung akan memberi peluang kepada PAS untuk lebih mendekati rakyat dan menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.

g) Memaksima Peranan Medium Penerbitan

Di antara salah satu langkah dan pendekatan dakwah PAS kepada masyarakat untuk menjelaskan Islam dan prinsip-prinsip akidah Islamiah adalah melalui medium penerbitan. PAS menjadikan medium penerbitan sebagai satu wasilah untuk memberi penjelasan kepada masyarakat tentang Islam dan politik, kepimpinan dan kenegaraan. Melalui penerbitan dan suara rasmi PAS, ianya telah memainkan peranan penting dalam membina akidah Islam kepada masyarakat awam mahupun di kalangan ahli-ahli PAS.¹⁶⁴

Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa PAS terdiri daripada barisan kepimpinan yang sangat aktif dalam penghasilan penulisan dan penerbitan. Bahkan penghasilan penulisan adalah meliputi pelbagai cabang ilmu dan bidang. Di antara tokoh pemimpin yang aktif dalam penerbitan dan penghasilan penulisan termasuklah Mustafa Abdul Rahman (Bekas Setiausaha Agung PAS) yang

¹⁶⁴ Dr. Azahar Yaakub @ Ariffin, Bekas YDP PAS Cawangan Lembah Pantai, dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

menulis Terjemahan Hadith 40 dan Syarahnya, Tuan Haji Yusuf Rawa yang terlibat dalam Majalah Islah, Burhanuddin al-Helmy, Syukri Mohamed, dan lain-lain lagi.¹⁶⁵ Beberapa contoh penerbitan yang dijadikan suara rasmi PAS seperti *Suara Islam* (1956-1962), *Bulan Bintang* (1967-1973), *Berita PAS* (1973-1974 dan 1982), *Suara Islam* (1979-1981) dan *Harakah* (1987 sehingga sekarang).¹⁶⁶

Selain itu, PAS juga dilihat begitu proaktif dalam menghasilkan penulisan-penulisan seperti buku, artikel dan melakukan terjemahan kepada bahasa Melayu terhadap buku-buku luar. Penulisan buku merupakan salah satu dakwah PAS yang bertujuan untuk memperkukuhkan akidah Islam di kalangan masyarakat. Selain itu, penulisan buku juga digunakan oleh PAS untuk menjawab dan memberi penjelasan terhadap beberapa isu yang timbul yang berkaitan dengan akidah Islam.¹⁶⁷

Sebagai contohnya ialah apabila timbulnya isu pelaksanaan hukum hudud dan isu Amanat Haji Hadi. Walaupun isu tersebut dilihat mungkin hanya sebagai polemik politik, tetapi jika isu tersebut berkait rapat dengan akidah Islam, maka ianya boleh mempengaruhi pandangan yang serong di kalangan masyarakat terhadap Islam. Ia juga akan membentuk persepsi negatif seterusnya menyebabkan berlaku salah faham serta kekeliruan dalam masyarakat.

Oleh itu, PAS telah menerbitkan pelbagai buku dan hasil penulisan ilmiah untuk menjelaskan isu-isu yang ditimbulkan. Antara contoh buku-buku penulisan yang dihasilkan PAS untuk menjawab dan menjelaskan tentang

¹⁶⁵ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

¹⁶⁶ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 271. Juga lihat Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 180-182.

¹⁶⁷ Yb. Ustaz Haji Idris Haji Ahmad (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 22 Ogos 2013.

kedudukan hukum hudud dalam Islam dari aspek akidah dan syariah ialah *Isu Hudud : Abdul Hadi Jawab Mahathir*,¹⁶⁸ *Undang-undang Jenayah Hudud*,¹⁶⁹ *Undang-undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas Bunuh*,¹⁷⁰ *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*,¹⁷¹ *Hukum Islam Di Malaysia*,¹⁷² *Mengenal Hukum Hudud*,¹⁷³ dan *Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud*,¹⁷⁴

Manakala isu Amanat Haji Hadi pula telah berlaku apabila ianya dikaitkan dengan beberapa gerakan dan kegiatan keganasan. Isu-isu seperti al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia telah sengaja dibebankan ke atas PAS dengan mengaitkan keganasan tersebut sebagai manifestasi Amanat Haji Hadi. Lantaran isu tersebut, Abdul Hadi Awang telah menghasilkan satu penulisan yang bertajuk *Amanat Haji Hadi*¹⁷⁵ dengan tujuan untuk menjawab isu tersebut. Ianya merangkumi penerangan dan penjelasan tentang jihad, negara Islam, perpecahan umat serta Islam dan pelampau.¹⁷⁶

Hasil penerbitan dan pendedahan PAS mengenai sesuatu isu atau polemik politik yang berkait rapat dengan akidah Islam secara tidak langsung akan memberikan kesedaran yang besar kepada masyarakat tentang Islam. Sebagai contoh ialah pendedahan dan penjelasan kepada masyarakat tentang isu hukum hudud secara tidak langsung akan memberi kefahaman dan kesedaran

¹⁶⁸ Sila lihat Abdul Hadi Awang, *Isu Hudud : Abdul Hadi Jawab Mahathir* (Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1994).

¹⁶⁹ Mahfodz Mohamed, *Undang-Undang Jenayah Hudud* (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 1992).

¹⁷⁰ Mahfodz Mohamed, *Undang-Undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas Bunuh* (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 1993).

¹⁷¹ Ahmad Kamaruddin Hamzah, *Pengantar Undang-Undang Jenayah Islam* (Petaling Jaya : Al-Rahmaniah, 1989).

¹⁷² Ahmad Ibrahim, *Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1992).

¹⁷³ Wahbah Zuhali, *Mengenal Hukum Hudud*, terj. Yusof Zaki Yaakob (Kota Bharu : Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1992).

¹⁷⁴ Said Ibrahim, *Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud* (Kota Bharu : Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995).

¹⁷⁵ Abdul Hadi Awang, *Amanat Haji Hadi* (Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002).

¹⁷⁶ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 292.

yang baik terhadap isu tersebut. Ia juga akan memberi peluang kepada golongan non-Muslim untuk memahami hukum hudud yang dianjurkan Islam dan dapat mengubah pandangan dan persepsi negatif mereka terhadap Islam serta ajarannya.¹⁷⁷

Medium penerbitan PAS dapat disimpulkan sebagai sebuah wasilah dakwah untuk mendekati masyarakat dan memberi penjelasan kepada mereka tentang Islam. Di samping itu, medium penerbitan juga digunakan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat seterusnya dapat meraih sokongan mereka terhadap perjuangan politik PAS sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam.¹⁷⁸ Lantaran pergerakan PAS yang sangat terhad dalam penyiaran rasmi negara, maka PAS telah menjadikan medium penerbitan sebagai salah satu cara untuk berkomunikasi dengan masyarakat.¹⁷⁹

h) Mendekati Golongan Non-Muslim

Sebagai sebuah parti politik Islam, di antara agenda utama PAS adalah untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Dakwah PAS bukan sahaja kepada masyarakat Muslim, bahkan juga meliputi kepada masyarakat non-Muslim. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh PAS untuk mendekati golongan non-Muslim. Ianya bertujuan untuk memberi penjelasan dan kefahaman tentang Islam yang syumul kepada mereka di samping merungkai beberapa persoalan utama yang sering menghantui pemikiran mereka seperti isu kebebasan beragama, pelaksanaan syariah, sistem keadilan Islam, keistimewaan non-Muslim, hak-hak dan tanggungjawab non-Muslim dan lain-lain lagi. Melalui usaha tersebut

¹⁷⁷ Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM", 226.

¹⁷⁸ Dr. Fadli Ghani (Pengarah Arkib, Pusat Penyelidikan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 2 Julai 2013.

¹⁷⁹ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

sekurang-kurangnya dapat mengubah persepsi dan sikap prejudis non-Muslim terhadap PAS seterusnya dapat memberi sokongan kepada PAS walaupun sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam.

Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa PAS memperkenalkan Islam sebagai sebuah agama yang meliputi semua aspek termasuk ekonomi, muamalat, sosial, pendidikan, politik, dan pentadbiran. PAS tidak menganggap golongan non-Muslim sebagai sebuah komuniti yang asing, malah PAS melihat ianya sebagai golongan yang perlu ditunaikan hak mereka sebagai manusia yang hidup dalam bermasyarakat. Dakwah PAS kepada non-Muslim adalah kepada Islam dan sekurang-kurangnya mereka tidak menunjukkan permusuhan dan penentangan. Malah sokongan mereka terhadap dasar yang diperjuangkan PAS adalah satu kejayaan besar buat PAS dalam menarik golongan non-Muslim.¹⁸⁰

Melalui kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa mendekati golongan non-Muslim merupakan salah satu agenda dakwah PAS. Walaubagaimanapun, usaha yang dilakukan PAS untuk mendekati golongan non-Muslim pada awalnya telah melalui beberapa fasal dan peringkat. Adapun wujudnya pemikiran dan idea yang melihat betapa pentingnya PAS perlu berusaha untuk mendekati golongan non-Muslim demi kepentingan dakwah dan Islam, namun pada awalnya idea dan usaha tersebut telah mendapat sambutan yang hambar bahkan telah mendapat tentangan yang hebat walaupun dari kalangan pimpinan PAS sendiri khususnya mereka yang berjiwa Melayu dan bersikap nasionalisme Melayu.¹⁸¹

Namun begitu, dengan kemasukan tokoh-tokoh baru ke dalam PAS seperti Fadzil Mohd Noor, Nakhaie Ahmad dan Abdul Hadi Awang telah

¹⁸⁰ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

¹⁸¹ Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 299.

memberi satu anjakan paradigma ke dalam pemikiran PAS khususnya terhadap golongan non-Muslim. Pendekatan *taḥalluf siyāsī* yang dipraktikkan oleh kepimpinan ulama PAS telah membuka ruang pemikiran PAS terhadap maksud kerjasama politik dengan orang bukan Islam berdasarkan syariat Islam. Islam tidak menegah penganutnya bekerjasama dengan orang bukan Islam dengan tujuan untuk menguatkan Islam selama mana ianya tidak membawa kepada kekufuran. Bahkan Islam menuntut penganutnya mendedahkan Islam kepada orang bukan Islam supaya mereka menerima Islam dengan baik.

Kesedaran dan kefahaman yang tersebar pada penghujung 1970-an ini telah memberi satu nafas baru kepada gerakan perjuangan PAS. Tembok perkauman Melayu telah berjaya diruntuhkan dan semangat asabiah yang mendominasi pemikiran di kalangan ahli-ahli PAS telah berjaya dihapuskan.¹⁸² Bahkan kepentingan dakwah Islamiah telah diletakkan sebagai keutamaan di samping menegaskan bahawa isu keselamatan dan perpaduan negara hanya akan wujud apabila seluruh masyarakat yang pelbagai agama dan bangsa mempunyai satu kefahaman yang baik tentang Islam.¹⁸³

Kepelbagaian dan perbezaan bangsa bukan lagi menjadi paksi pemisah antara Muslim dan non-Muslim. Sebaliknya dijadikan sebagai satu jambatan untuk disampaikan Islam kepada mereka. Oleh itu, PAS menganggap bahawa setiap individu non-Muslim adalah warganegara yang berhak disampaikan dakwah Islam kepada mereka bahkan tidak mustahil mereka dapat menerima

¹⁸² Nakhaie Ahmad, *Islam Mengatur Masyarakat Majmuk*, dalam *PAS Dengan Masyarakat Majmuk* (Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1986), 15.

¹⁸³ *Ibid.*, 23.

Islam untuk jangka masa panjang sekiranya usaha-usaha mendekati mereka dibuat sejak dari awal lagi.¹⁸⁴

Pada tahun 1982, satu usul telah diluluskan oleh Mukhtamar Dewan Pemuda Pas di mana usul tersebut adalah untuk mendedahkan perjuangan PAS kepada masyarakat non-Muslim.¹⁸⁵ Usul ini juga telah menjadi titik tolak kepada usaha PAS untuk mendekati non-Muslim dengan lebih proaktif. Dalam perkembangan lain, usaha mendekati non-Muslim adalah berdasarkan kepada pencapaian tiga matlamat jangka panjang yang telah digariskan. Matlamat pertama ialah menyampaikan risalah Islam dan matlamat kedua ialah membolehkan mereka mengetahui maklumat mengenai Islam daripada sumber asalnya. Manakala matlamat ketiga ialah untuk membolehkan mereka mendapat maklumat yang betul dan tepat.¹⁸⁶

Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh PAS untuk menyampaikan mesej Islam kepada non-Muslim. Program-program penerangan telah diatur bersama masyarakat non-Muslim untuk mengadakan dialog-dialog, seminar-seminar, bengkel, dan sebagainya. Penjelasan dan penerangan yang jelas tentang Islam akan mampu mengubah persepsi dan pandangan non-Muslim terhadap Islam tanpa prejudis. Dalam masa yang sama, kesedaran dan kefahaman tersebut juga akan dapat mengubah tanggapan mereka terhadap PAS yang membawa imej parti Islam.

Walaupun berperanan sebagai sebuah parti Islam, PAS sekali lagi mengambil langkah strategik dalam usaha mereka untuk mendekati golongan non-

¹⁸⁴ Nakhaie Ahmad, Sikap Benci Kepada Orang Asing Sudah Berakhir, dalam PAS Dengan Masyarakat Majmuk (Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1986), 24-25.

¹⁸⁵ Nakhaie Ahmad, Mengapa Bukan Islam Harus Didekati, dalam PAS Dengan Masyarakat Majmuk (Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1986), 23.

¹⁸⁶ *Ibid.*

Muslim iaitu apabila PAS bersedia mengadakan pakatan politik dengan parti-parti yang mewakili golongan non-Muslim. Di samping, membentuk kekuatan politik, PAS juga mampu memperkenalkan Islam melalui hasil kerjasama yang diadakan.¹⁸⁷ Kemampuan PAS mempengaruhi parti-parti tersebut untuk menerima dasar Islam yang dibawa oleh PAS merupakan satu kejayaan terhadap dakwah PAS untuk mendekati golongan non-Muslim.¹⁸⁸

Pada tahun 1989, PAS menerusi Dewan Pemuda PAS telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Penerangan Islam (IICS). Penubuhannya adalah bertujuan untuk melaksanakan program dakwah kepada masyarakat non-Muslim.¹⁸⁹ Manakala pada tahun 1990, Muktamar Dewan Pemuda PAS telah meluluskan satu usul untuk menggesa PAS supaya lebih serius dalam usaha untuk mendekati masyarakat bukan Islam bukan sahaja untuk tujuan pilihan raya bahkan juga bertujuan untuk memberi penjelasan tentang Islam sebagai satu sistem hidup alternatif bagi orang bukan Islam.¹⁹⁰

Menerusi penubuhan IICS, PAS telah mengadakan pelbagai program kepada golongan non-Muslim seperti mengadakan dialog, seminar, dan sebagainya. Pada 21 Disember 1990, satu perjumpaan dengan saudara baru dan masyarakat Islam bukan Melayu telah diadakan di Kuala Terengganu. Manakala pada tahun 1991, satu dialog telah diadakan antara masyarakat non-Muslim

¹⁸⁷ Yb. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Ahli Majlis Syura Ulama, Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 31 Ogos 2013.

¹⁸⁸ Dato' Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man (Ahli Majlis Syura Ulama, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013. Juga lihat Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia", 303-306.

¹⁸⁹ *Ibid.*, 307.

¹⁹⁰ *Ibid.*

dengan pimpinan PAS. Selain itu, PAS juga kerap mengadakan kunjungan serta lawatan dakwah ke perkampungan Orang Asli.¹⁹¹

Mengadakan hubungan dan kerjasama yang baik antara PAS dengan badan-badan bukan Islam merupakan di antara usaha PAS untuk mendekati dan berdakwah kepada non-Muslim. Ianya terbukti apabila pada tahun 1996 PAS telah mengadakan hubungan dengan Majlis Kebangsaan Bagi Buddhism, Sikhism, Hinduism, dan Kristian. Manakala pada 24 Mac 1996, PAS telah menubuhkan Majlis Perundingan Perpaduan Nasional dengan tujuan untuk meningkatkan dialog dengan non-Muslim.¹⁹²

Pada tahun 1997, Muktamar Dewan Pemuda PAS telah mendesak PAS supaya merancang gerakan dakwah yang lebih tersusun untuk masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Satu konsep perpaduan pintar masyarakat Malaysia telah diperkenalkan melalui program keluarga angkat, perkahwinan campur, mempelajari bahasa asing, pengajian antara budaya, wacana ilmiah dengan tokoh intelek non-Muslim dan meningkatkan usaha melalui dialog dengan non-Muslim.¹⁹³

Dalam perkembangan lain, PAS telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk "*Isu-Isu Besar Negara Kedudukan Sebenarnya*" dan telah diterjemahkan kepada empat bahasa iaitu bahasa Melayu, Cina, India dan Kadazan. Buku yang dilancarkan pada muktamar tahunan PAS kali ke 49 yang berlangsung pada 12 hingga 14 September 2003 di Taman Melewar merupakan sebuah buku yang sesuai untuk dijadikan rujukan bagi non-Muslim. Ini kerana, buku tersebut telah memaparkan penjelasan dan kupasan yang baik mengenai isu-isu non-Muslim

¹⁹¹ *Ibid.*

¹⁹² *Ibid.*, 308.

¹⁹³ *Ibid.*

seperti isu negara Islam, hak-hak dan kebebasan non-Muslim dalam sebuah negara Islam, kejayaan-kejayaan kerajaan Kelantan dan Terengganu melalui pemerintahan Islam, pelaksanaan Syariah dan lain-lain lagi.¹⁹⁴

Usaha PAS untuk mendekati dan berdakwah kepada golongan non-Muslim secara keseluruhannya telah berjaya meruntuhkan fobia dan trauma serta mengubah persepsi tanpa prejudis non-Muslim terhadap PAS dan terhadap Islam khususnya. Usaha-usaha yang digerakkan dengan lebih fokus dan tersusun seperti menganjurkan program-program dialog, penerangan, seminar ilmiah dan pakatan politik dengan non-Muslim sekali gus telah membuktikan bahawa PAS telah memberi pentafsiran baru terhadap makna kerjasama dan mengadakan hubungan dengan non-Muslim, khususnya untuk tujuan dakwah Islamiah.

Ini kerana, PAS yang dahulunya sebatu dengan pemikiran dan sikap nasionalisme Melayu pada dekad 1950-an sehingga 1970-an telah berubah kepada pemikiran yang lebih terbuka khususnya terhadap non-Muslim. Penerapan kesedaran dakwah sebagai satu strategi politik telah memberi satu dimensi pemikiran yang baru kepada PAS terhadap golongan non-Muslim. Lantaran itu, PAS telah mula diterima baik oleh golongan non-Muslim sebagai sebuah parti alternatif di negara ini bahkan sehingga kini.

¹⁹⁴ *Ibid.*, 314.

3.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, PAS merupakan sebuah badan dakwah yang menyampaikan Islam kepada masyarakat dan pada masa yang sama PAS juga merupakan sebuah badan politik yang menjelaskan kepada masyarakat tentang sistem politik dan pemerintahan Islam yang menyeluruh kepada mereka. Ini kerana, PAS berpendapat bahawa melalui kuasa politik yang dimiliki akan menjadikan usaha dakwah lebih berkesan. Perubahan yang dilakukan oleh pemerintah merupakan perubahan yang amat berkesan dan akan diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Atas dasar itulah PAS telah memperjuangkan untuk membina sebuah negara Islam dan menggesa supaya diadakan pindaan perlembagaan kepada perlembagaan Islam, pemerintahan sekular kepada pemerintahan Islam dan seterusnya membentuk sebuah masyarakat Islam manakala hak non-Muslim tidak sesekali diabaikan.